

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SIKAP PENGGUNA TERHADAP
PEMASARAN MEDIA SOSIAL**

AMI JOSELINA BINTI ABU BAKAR



**SARJANA SAINS (PENGURUSAN)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2018**

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SIKAP PENGGUNA TERHADAP
PEMASARAN MEDIA SOSIAL**

Oleh

AMI JOSELINA BINTI ABU BAKAR

814481



UUM
Universiti Utara Malaysia

Tesis ini Dikemukakan kepada
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
Sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Sarjana Sains (Pengurusan)



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PENYELIDIKAN

(Certification of Research Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa

(I, the undersigned, certified that)

AMI JOSELINA BINTI ABU BAKAR (814481)

Calon untuk Ijazah Sarjana

(Candidate for the degree of)

MASTER OF SCIENCE (MANAGEMENT)

telah mengemukakan kertas penyelidikan yang bertajuk

(has presented his/her research paper of the following title)

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SIKAP PENGGUNA TERHADAP
PEMASARAN MEDIA SOSIAL**

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas penyelidikan

(as it appears on the title page and front cover of the research paper)


Bahawa kertas penyelidikan tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(that the research paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the research paper).

Nama Penyelia
(Name of Supervisor)

: **ENCIK MOHAMAD ZAINOL ABIDIN BIN ADAM**

Tandatangan
(Signature)

: 

Tarikh
(Date)

: **6 MEI 2018**

PERMISSION TO USE

In presenting this dissertation/project paper in partial fulfilment of the requirements for a Post Graduate degree from the Universiti Utara Malaysia (UUM), I agree that the Library of this university may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying this dissertation/project paper in any manner, in whole or in part, for scholarly purposes may be granted by my supervisor(s) or in their absence, by the Dean of Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business where I did my dissertation/project paper. It is understood that any copying or publication or use of this dissertation/project paper parts of it for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and to the UUM in any scholarly use which may be made of any material in my dissertation/project paper.

Request for permission to copy or to make other use of materials in this dissertation/project paper in whole or in part should be addressed to:



Abstract

The purpose of this study is to examine the about factors that influence the attitude of the consumers about marketing through the social media. These factors are reliability on information, privacy concerns, the perceptual reliability on online advertising and the security control against social media. This research involved students from School of Business Management, College of Business Universiti Utara Malaysia. A total of 340 questionnaires were distributed and 315 questionnaires were returned and used for analysis. In this study, correlation and regression analysis has been used to analyze the data using SPSS version 21.0. The findings showed that there is a significant relationship between reliability on information, privacy concerns, and the perceptual reliability on online advertising and the security control on attitude of consumers towards marketing on social media. In addition, it was found that security control has the strongest influence on consumers' attitude towards marketing on social media. As a conclusion, social media is one of the marketing methods that is effective but the management of social media marketing should implement it effectively and meticulously.

Keywords: Consumer attitude, social media marketing; reliability on information, privacy concerns, online advertising, security control




UUM
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran melalui media sosial. Faktor kebolehppercayaan maklumat, Faktor kebimbangan terhadap privasi, Faktor persepsi kebolehppercayaan terhadap iklan dalam talian atau Faktor kawalan keselamatan terhadap media sosial. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar dari Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia. Kajian yang menggunakan sejumlah 400 soal selidik telah diedarkan dan 315 daripadanya telah dikembalikan dan digunakan untuk analisis kajian. Analisis korelasi dan regresi telah digunakan untuk menganalisa keseluruhan menggunakan SPSS versi 21.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pengguna menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap kebolehppercayaan maklumat, persepsi kebolehppercayaan terhadap iklan dalam talian, kebimbangan terhadap privasi dan kawalan keselamatan terhadap media sosial terhadap pemasaran media sosial. Selain, daripada itu, didapati faktor kawalan keselamatan terhadap media sosial mempunyai pengaruh yang kuat terhadap sikap pengguna terhadap pemasaran melalui media sosial. Kesimpulan dari kajian ini adalah media sosial merupakan antara kaedah pemasaran yang terkini dan berkesan tetapi pengurusan terhadap pemasaran media sosial perlu melaksanakannya dilaksanakan dengan efektif dan teliti.

Katakunci: Sikap pengguna, pemasaran media sosial, kebolehppercayaan maklumat, kebimbangan terhadap privasi, iklan dalam talian, kawalan keselamatan



Universiti Utara Malaysia

Penghargaan

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurniaNya akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ini sebagai melengkapkan keperluan kursus Ijazah Sarjana Sains Pengurusan (Msc.) Universiti Utara Malaysia, Kedah. Memang saya akui bahawa dari segi sumber untuk melengkapkan kajian ini agak mudah diperoleh, namun untuk mendapatkan sumber pertama agak sukar. Justeru tugas ini banyak kelemahan dan kekurangan lantaran keterbatasan sumber dan waktu lebih-lebih lagi sebagai pelajar Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh yang terpaksa membahagikan masa antara keluarga, kerjaya dan pelajaran. Namun begitu, kekurangan dan kelemahan ini tidaklah mengurangkan rasa hormat dan terima kasih saya kepada pihak-pihak yang telah membantu dan mendorong saya untuk menyelesaikan kajian ini.

Sehubungan itu, pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Hj. Mohamad Zainol Abidin Bin Adam, selaku supervisor kerana dengan sabar membimbing saya, memberi tunjuk ajar dan banyak meluangkan waktu daripada mula hinggalah kajian selesai disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada keluarga tercinta yang telah memberikan komitmen yang tinggi dan amat memahami tugas saya sebagai seorang pelajar. Penghargaan terhadap pengertian dan pengorbanan suami, Hanidam Hashim, anak-anak, Nurul Natasya, Nur Alya, Nur Amisyah, Muhammad Amil Hakimi, Harith Mikhail dan tidak dilupakan juga kepada mama yang memberi perangsang dan juga perbelanjaan sepanjang pengajian saya. Tanpa komitmen semua mungkin saya tidak sampai ke tahap ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan sepengajian yang telah sama-sama mengharungi pahit manis dalam meneruskan pengajian, dalam pembelajaran dan memberikan buah fikiran sepanjang tempoh pengajian khususnya dalam melaksanakan kajian ini. Sesungguhnya dengan berkat usaha kita bersama, maka kejayaan telah menjadi milik kita semua.

AMI JOSELINA BINTI ABU BAKAR

2018

ISI KANDUNGAN

ABSTRACT	ii
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan Bab	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Kajian Terhadap Kegunaan Internet Isi Rumah Di Malaysia	9
1.3 Permasalahan Kajian	17
1.4 Persoalan Kajian	21
1.5 Objektif Kajian	22
1.6 Signifikan Kajian	23
1.7 Pembolehubah Kajian	23
1.8 Skop Kajian	25
1.9 Definisi Operasi Terma Kajian	26
1.10 Organisasi Kajian	29
1.11 Kesimpulan Bab	29

BAB 2: ULASAN KARYA

2.0 Pengenalan Bab	30
2.1 Pemasaran Media Sosial	30
2.2 Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media	33
2.3 Kebolehpercayaan Maklumat	36
2.4 Persepsi Pengguna Terhadap Kebolehpercayaan Iklan Atas Talian	38
2.5 Sensiviti Privasi	40
2.6 Kawalan Keselamatan Terhadap Pemasaran Atas Talian	42

2.7 Kerangka Konseptual.....	45
2.8 Hipotesis.....	46
2.9 Kesimpulan Bab	49

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan Bab.....	50
3.1 Rekabentuk Kajian	50
3.2 Rekabentuk Soal Selidik	53
3.3 Populasi Dan Sampel	55
3.4 Teknik Sampel Dan Persampelan	56
3.5 Pengukuran.....	58
3.6 Teknik Pengumpulan Data	59
3.7 Pengujian Hipotesis.....	60
3.8 Pra-Ujian	62
3.9 Ujian Rintis	62
3.10Pekali Kebolehpercayaan	64
3.11Analisis Statistik	65
3.12Kesimpulan Bab	66

BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan Bab.....	67
4.1 Kadar Tindak Balas.....	67
4.2 Maklumat Kebolehpercayaan Kajian Rintis	68
4.3 Ujian Normaliti	70
4.4 Statistik Deskriptif	71
4.4.1 Profil Responden.....	71
4.4.2 Frekuensi Analisis	84
4.5 Statistik Inferensi	94
4.5.1 Ujian Korelasi	94
4.5.2 Ujian Regresi.....	99
4.5.2 Rumusan Dapatan	101

BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan Bab.....	103
5.1 Perbincangan.....	103
5.2 Limitasi Kajian.....	109
5.3 Cadangan.....	111
5.4 Penutup.....	113
RUJUKAN.....	115
LAMPIRAN.....	122



UUM
Universiti Utara Malaysia

Senarai Jadual

Jadual	Muka Surat
3.1 Sumber Pengukuran Dimensi	54
3.2 Ringkasan Rekabentuk Soal Selidik	55
3.3 Skala Pengukuran	59
3.4 Pengukuran Konsistensi Dalaman	65
4.1 Kebolehpercayaan Terhadap Pembolehubah	69
4.2 Ujian Normaliti	71
4.3 Taburan Responden Mengikut Penggunaan Rangkaian Laman Sosial	72
4.4 Taburan Responden Mengikut Kewarganegaraan	72
4.5 Taburan Responden Mengikut Umur	73
4.6 Bilangan Responden berdasarkan Kumpulan Etnik	74
4.7 Bilangan Responden berdasarkan Agama	75
4.8 Taburan Responden Mengikut Jantina	75
4.9 Bilangan Responden berdasarkan Pendidikan	76
4.10 Bilangan Responden berdasarkan Tujuan Internet	77
4.11 Bilangan Responden berdasarkan Penggunaan Laman Rangkaian Sosial	78
4.12 Bilangan Responden berdasarkan Tujuan Penggunaan Laman Rangkaian Sosial	79

4.13	Bilangan Responden berdasarkan Aplikasi Rangkaian Laman Sosial	80
4.14	Bilangan Responden berdasarkan Kekerapan Penggunaan Rangkaian Laman	81
4.15	Bilangan Responden berdasarkan Penggunaan Internet	82
4.16	Bilangan Responden berdasarkan Maklumat Peribadi di Salah Guna	83
4.17	Taburan Responden Mengikut Kepercayaan Laman Web	83
4.18	Frekuensi responden yang terlibat dalam Penyalahgunaan Maklumat Peribadi	84
4.19	Skor Kekerapan Kebolehpercayaan Maklumat	86
4.20	Skor Kekerapan Persepsi Kebolehpercayaan Terhadap Iklan Dalam Talian	88
4.21	Skor Kekerapan Kebimbangan Terhadap Privasi	90
4.22	Skor Kekerapan Kawalan Keselamatan Terhadap Media Sosial	92
4.23	Skor Kekerapan Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial	93
4.24	Korelasi Antara Faktor yang Mempengaruhi Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial	95
4.25	Hubungan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kebolehpercayaan maklumat	96

4.26	Hubungan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian	97
4.27	Hubungan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kebimbangan terhadap privasi	98
4.28	Hubungan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kawalan keselamatan terhadap sosial media	99
4.29	Hubungan antara kebolehpercayaan maklumat, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian, kebimbangan terhadap privasi dan kawalan keselamatan terhadap media sosial dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial	101
4.30	Rumusan keputusan Ujian Hipotesis	102

Senarai Rajah

Rajah		Muka Surat
1.1	Peratus taburan penduduk yang dianjurkan mengikut kumpulan etnik di Malaysia.	10
1.2	Peratus taburan bagi pengguna mengikut jantina	10
1.3	Peratus taburan mengikut pengguna mengikut umur	11
1.4	Peratus taburan mengikut tahap pendapatan	12
1.5	Peratus taburan pengguna mengikut lokasi	13
1.6	Model Tingkahlaku Maklumat Wilson	18
2.1	Kerangka Konseptual	46
4.1	Peratus tindak balas soal selidik daripada responden	68

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan Bab

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian dan signifikan kajian. Selain daripada itu, bab ini juga menerangkan tentang pembolehubah-pembolehubah kajian, kerangka konseptual kajian serta ringkasan hipotesis-hipotesis kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pada masa kini perniagaan yang dimulakan telah menggunakan internet untuk menggalakkan dan memperkenalkan perniagaan mereka ke peringkat antarabangsa. Pemasaran media sosial digunakan dengan meluas oleh peniaga dan pemasar dari seluruh pelusuk dunia. Dianggarkan 600 juta pengguna Facebook dan selebihnya 200 juta pengguna Twitter. Selain daripada itu, terdapat banyak perniagaan yang menggunakan LinkedIn dan pelbagai pesaing tempatan. Skala interaksi menggunakan media sosial adalah sangat luar biasa. Kebanyakan organisasi menggunakan pemasaran media sosial sebagai platform untuk aktiviti pemasaran, pembangunan perkhidmatan pelanggan dan kesedaran jenama tetapi hanya sebilangan kecil yang mengintegrasikan dua kawasan lokasi dan pemasaran media sosial (Justin Parks, 2011). Mengikut Walter (2013) budaya

dianggap sebagai komponen yang utama terhadap bagaimana manusia berinteraksi, tidak hanya bagaimana mereka bercakap tentang sesuatu tetapi juga bagaimana mereka memilih komponen yang mereka gunakan untuk memperoleh keseluruhan mesej yang dikehendaki.

Kebanyakan orang yang berkait rapat dengan media sosial dan budaya atau penggunaan internet menjadi kurang jelas apabila membandingkan peringkat kumpulan sosioekonomi serta pelbagai perbezaan bangsa. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Berdasarkan statistik dari Internet World Stats (2015) pada suku ketiga 2015, lebih kurang 3.2 bilion pengguna yang menggunakan internet. Jumlah tersebut menunjukkan 40.2% dari penduduk dunia menggunakan internet. Ia telah meningkat sebanyak lebih kurang 500% sepanjang 10 tahun ini, disamping dengan pembangunan dan perkembangan infrastruktur perkakasan serta perisian komputer. Pada masa yang sama World Wide Web Konsortium juga mengalami perubahan yang besar dan peningkatan dengan pembangunan kepada Web 3.0 dari Web 2.0.

Generasi awal yang menggunakan Web 1.0 hanya menyalurkan maklumat daripada penyedia maklumat kepada pengguna, dan interaksi antara pemberi maklumat dan pengguna adalah sangat terhad. Web 2.0 mula digunakan pada Oktober 2004 yang membolehkan pengguna dalam talian pencipta dan berkongsi pengetahuan bersama-sama dengan beberapa sumber, memanfaatkan kepintaran bersama dan menyusun tindakan (Hwang, Altman, & Kim 2009).

Web 3.0 merupakan web generasi ketiga selepas Web 1.0 dan Web 2.0 serta penggunaannya adalah bermula pada 2010. Ianya adalah penambahbaikan aplikasi yang terdapat dalam Web 1.0 dan Web 2.0. Ia merujuk pada akses Internet mudah alih (atau mobil) dan alat mudah alih media baharu ini berubah kepada media sosial yang mempunyai kemampuan yang lebih hebat hasil gabungan tiga elemen utama, iaitu teknologi, perbualan, dan perkongsian maklumat. Media ini juga mampu mengirimkan kandungan multimedia dan kemudahan interaksi antara khalayak dengan pengeluar kandungan. Malah, elemen interaktiviti yang ditawarkan kepada pengguna menyaksikan Internet menjadi platform sosial moden yang membolehkan penglibatan massa. Media ini telah menyebabkan lahirnya bentuk baharu komunikasi yang mengintegrasikan komunikasi massa dengan komunikasi interpersonal sehingga wujudnya interaktiviti baharu seperti kumpulan sembang, kumpulan maya di tempat kerja, dan komuniti dalam talian (van Dijk, 2006).

O'Reilly (2005) menyatakan bahawa Web 2.0 adalah satu set aliran sosial, ekonomi dan teknologi yang secara kolektif membentuk asas untuk generasi internet seterusnya lebih matang, medium yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza oleh penyertaan pengguna, keterbukaan dan kesan jaringan. Yang paling penting di antara Web 1.0 dan Web 2.0 ialah pembekal kandungan atau maklumat. Beberapa kandungan pembekal adalah terhad di dalam Web 1.0 dan kebanyakan pengguna hanya bertindak sebagai pengguna untuk kandungan yang disediakan oleh pembekal maklumat. Web 2.0 pula membenarkan sesiapa sahaja yang boleh mengakses internet kepada web menjadi pembekal atau pemberi maklumat.

Media sosial dibina berdasarkan idealogi dan teknologi Web 2.0. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Mayfield (2008), sosial media merujuk kepada media dalam talian baharu yang mempunyai beberapa ciri penting seperti penglibatan oleh pengguna, terbuka untuk sebarang maklum balas dan komen daripada pengguna, komunikasi dua hala pengguna, komuniti yang berkongsi minat yang sama dan saling pautan hubungan pengguna dengan halaman web yang lain, sumber dan pengguna.

Beberapa contoh media sosial ialah laman sosial, blog, wiki, podcasts, forum and microblog. Media sosial yang paling cepat berkembang dan popular ialah laman sosial iaitu Facebook, Twitter, Google+ dan untuk akses menggunakan mobil ialah seperti aplikasi Whatapps, WeChat, Instragram and lain-lain lagi. Media sosial yang paling berjaya sehingga kini ialah Facebook yang merubah dunia kepada tingkah laku media sosial.

Perkembangan pesat media sosial seiring dengan teknologi maklumat yang merubah gaya hidup manusia sebagai laman web media sosial yang menggalakkan interaksi pengguna. Orang ramai sekarang dapat berhubung dan berkongsi maklumat dengan lebih mudah dan cepat. Kita dapat mengetahui maklumat dan berita dari seluruh dunia dengan perkongsian kedua oleh sesiapa sahaja yang boleh akses kepada Internet.

Berdasarkan laporan yang dilakukan oleh Lucent (2012), Web 2.0 merubah tingkah laku pengguna internet. Beberapa kesan-kesan terhadap penggunaan media sosial ialah perubahan sikap pengguna internet, perkembangan terhadap penyambungan jalur lebar, banyak maklumat yang diperolehi tidak dikenakan caj, rangkaian sosial menjadi

domain komunikasi yang baharu, pemecahan dalam pasaran pengguna , internet menjadi sumber utama dalam penghantaran pengetahuan, keselamatan internet, isu-isu sulit dan pemilikan data massa.

Perubahan gaya hidup juga mempengaruhi sikap pengguna. Pengguna yang mempunyai banyak pengetahuan dan kepandaian dengan bantuan perkongsian maklumat daripada internet terutamanya melalui laman web media sosial. Dengan bantuan maklumat dan pengetahuan yang mudah diperolehi daripada teknologi maklumat seperti telefon pintar, pengguna sekarang terikat kepada laman media sosial hampir sepanjang masa 24 jam sehari walau di mana mereka berada.

Sejak 2012, Malaysia menyaksikan lonjakan setiap tahun bagi penggunaan internet jalur lebar. Persatuan Pengendali Internet Malaysia, atau nama lainnya Malaysian Internet Exchange (MyIX) mengumumkan statistik penggunaan internet di Malaysia iaitu bagi tahun 2013-2014, sebanyak 760,331 Mbps jumlah penggunaan internet . Peningkatan ini adalah sebanyak 218%, berbanding tahun 2012-2013 sebanyak 230,632 Mbps sahaja. 92% pengguna menggunakan internet beberapa kali seminggu dan aktiviti utama yang dilakukan oleh pengguna di Malaysia ialah media sosial iaitu sebanyak 84% dihabiskan kepada laman web rangkaian sosial (SKMM, 2012).

Mengikut penyelidikan yang dilakukan oleh Nielsen Malaysia pada April 2010, 52% daripada jumlah responden menggunakan laman media sosial untuk membuat keputusan pembelian. Pelaburan untuk iklan internet di Malaysia juga meningkat kepada 0.6% pada tahun 2011 membuktikan banyak organisasi sekarang meletakkan usaha yang

lebih kepada alatan berkaitan pemasaran internet. Berdasarkan laporan yang sama yang telah diterbitkan oleh Nielson, pengiklanan dalam talian mencapai pulangan yang tinggi dalam pelaburan berbanding dengan lain-lain pengiklanan konvensional. Penyelidikan yang dilakukan juga menunjukkan bahawa di rantau Asia Pasifik sendiri, pulangannya 1.78 dolar untuk setiap pemasaran dolar yang dibelanjakan (Nielsen, 2012). Ini menunjukkan lebih ramai pengguna melakukan penyelidikan sendiri dan dengan pencarian beberapa fakta sebelum membeli produk tertentu. Pengguna tidak lagi mendengar tentang sesuatu produk hanya daripada pembekal, mereka juga boleh mendengar komen, maklum balas dan pendapat daripada pengguna-pengguna lain yang menggunakan produk yang dikeluarkan oleh pengedar yang sama bagi menentukan kualiti produk tersebut. Pembekal mungkin berniat bias terhadap produk mereka sendiri.

Penyelidikan yang dilakukan oleh Yahoo di Semenanjung Malaysia pada tahun 2011 di mana seramai 2295 peserta terlibat daripada berbeza jantina, umur, bangsa dan pelbagai lagi aspek lain. Daripada 2295 peserta tersebut, 100% mempunyai akaun Facebook mereka sendiri, dan 50% daripada mereka melayari laman Facebook sekurang-kurangnya sekali sehari (Yahoo, 2011). Berdasarkan statistik dari SosialBaker (2013), kini terdapat lebih kurang 13 juta pengguna yang mewakili lebih kurang 46% jumlah penduduk Malaysia dan 82% adalah pengguna dalam talian. Malaysia berada dikedudukan yang ke 18 mengikut negara berikutan penggunaan Facebook.

Kita telah mengetahui kesan daripada Facebook melalui pelbagai aktiviti dan berita yang disusun dan disebarkan melalui Facebook dan seterusnya menjadi

berkembang ke seluruh Negara. Aktiviti dan berita seperti Bersih 2.0 dan Bersih 3.0, Earth Hour, KFC Incident dan beberapa lagi yang pada mulanya kita lihat melalui Facebook sebelum dilaporkan melalui berita di televisyen atau radio dan suratkhabar.

Banyak organisasi yang sedar tentang kesan kepentingan media sosial pada tingkah laku pengguna dan membuatkan mereka menanganinya dengan melakukan pemasaran melalui media sosial untuk menambah dan mengekalkan kesetiaan pelanggan. Kita sekarang dengan mendapati banyak organisasi besar dan kecil menerbitkan akaun Facebook atau pautan Twitter didalam laman web mereka atau iklan. Banyak majlis dan permainan interaksi atau pertandingan yang diadakan oleh sesebuah organisasi disampaikan melalui Facebook dalam usaha untuk menarik ramai pengguna menyertai dan terlibat dalam program yang diadakan.

Facebook juga menggalakkan satu jenis strategi pemasaran iaitu strategi dari mulut ke mulut (Word of Mouth). Strategi ini membenarkan pengguna mengumpul dan membandingkan semua jenis maklumat sebelum membeli sebarang produk. Pelanggan sekarang lebih bergantung kepada maklumat dalam talian. Organisasi perlu menangani dan mewujudkan kelainan strategi untuk Facebook mereka berbanding dengan strategi pemasaran sebelum ini, kerana maklumat yang dikongsi melalui Facebook lebih telus, pujian dan aduan boleh menjadi '*hand to hand*', sebarang kesilapan yang dilakukan atau terlepas pandang dengan mudahnya dapat menjatuhkan dan memusnahkan sesebuah organisasi yang kukuh.

Lima jenama terkemuka dalam Facebook Malaysia dengan 1 juta pelanggan ialah McDonald Malaysia, Air Asia, Pizza Hut Malaysia, KFC Malaysia dan Tourism Malaysia. Daripada lima jenama terkemuka, tiga daripadanya adalah syarikat Makanan dan Minuman.

Facebook seolah-olah mempunyai pelbagai kelebihan dan manfaat berbanding pemasaran tradisional, tetapi terdapat banyak lagi organisasi yang masih belum merancang untuk terlibat dengannya. Pemasaran melalui Facebook adalah sama dengan pelbagai jenis strategi baharu lain yang mempunyai halangan tersendiri yang menghalang organisasi atau individu untuk terlibat. Laporan ini akan membincangkan secara mendalam tentang halangan tertentu yang dihadapi oleh organisasi dan penyelesaian yang disyor untuk ditangani.


Masih terdapat beberapa organisasi atau Perniagaan Kecil dan Sederhana di Malaysia masih mengekalkan cara pemasaran tradisional seperti surtakhbar, majalah, tv, radio dan papan iklan. Organisasi ini mungkin tidak menggunakan emel untuk perniagaan harian mereka apatah lagi laman web organisasi, justeru itu penggunaan saluran pemasaran internet seperti Facebook mungkin akan mengakibatkan mereka menerima kejutan budaya. Sehubungan dengan itu, kami akan mengkaji organisasi yang telah terlibat dengan Pemasaran Facebook, selain dari kelebihan pasti ada risiko yang dihadapi yang perlu organisasi tangani dan selsesaikan. Setiap organisasi mempunyai pendekatan yang berbeza untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Penyelidikan ini akan melihat pengurusan risiko terhadap masalah tertentu yang melibatkan pemasaran internet.

1.2 Kajian terhadap Kegunaan Internet Isi Rumah di Malaysia

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menjalankan beberapa kajian rutin yang berkaitan sektor komunikasi dan multimedia di Malaysia. Salah satu kajian yang paling utama ialah kajian tentang penggunaan internet oleh isi rumah. Kajian tersebut membantu kita untuk memahami corak penggunaan internet di Malaysia dan ramalan masa depan berkaitan perkara tersebut. Kajian yang dilakukan mencapai kepada 2,402 sampel pengguna internet dan 1,205 bukan pengguna. Keseluruhannya membentuk 3,607 saiz sampel.

1.2.1 Warganegara dan Etnik

Kewarganegaraan pengguna internet yang ditemubual dalam kaji selidik tersebut terdiri daripada 92.1% adalah warganegara Malaysia dan hanya 7.9% bukan warganegara. Komposisi etnik pula terdiri majoriti daripada pengguna melayu iaitu 67.0%, sementara kaum cina 17.8% diikuti oleh Bumiputra Sabah/ Sarawak 8.2% dan kaum India 6-2% (Rajah 1.1).




Rajah 1.1.

Peratus taburan penduduk yang dianjurkan mengikut kumpulan etnik di Malaysia

1.2.2 Jantina

Banci 2010 melaporkan bahawa nisbah jantina daripada populasi di Malaysia ialah 1:1 dengan lelaki mengatasi perempuan. Manakala Kaji Selidik Pengguna Internet 2016 mengumpulkan peratus terhadap pengguna lelaki ialah 58.3% dan 41.7% adalah perempuan, iaiti nisbah 1:4 meningkat daripada 1:3 pada tahun 2015. Ini menunjukkan bahawa lelaki lebih menggunakan internet berbanding perempuan (Rajah 1.2).




Rajah 1.2:

Peratus taburan bagi pengguna mengikut jantina

Kebanyakan pengguna internet tinggal di Selangor. Ini kerana Selangor mempunyai populasi tertinggi di dalam negara ini. Kaji selidik yang dilakukan mengakui bahawa pengguna internet adalah selaras dengan jumlah penduduk di setiap negeri.

1.2.3 Peringkat Umur

Mod peringkat umur jatuh kepada kelompok umur 20 – 24 dimana meliputi hampir satu perempat (24.2%) bilangan pengguna. Seterusnya kelompok umur 25 -29 ialah 19.3%. Kelompok umur antara 35 – 39 ke atas kurang daripada 10%. Pengguna kelompok di bawah umur 15 meningkat kepada 1.6%. Purata umur yang menggunakan internet ialah 31.1 tahun (Rajah 1.3).




Rajah 1.3:
Peratus taburan pengguna mengikut jantina

Sebaliknya, taburan umur dikalangan bukan pengguna adalah banyak di kalangan kelompok umur melebihi 49 tahun. Dianggarkan lebih kurang satu pertiga daripada bukan pengguna jatuh pada kategori ini. Kelompok yang lebih muda iaitu 25 -29 sehingga 45 – 49 menunjukkan peratus yang konsisten diantara 10 dan purata umur bukan pengguna yang telah ditemubual adalah 46.4 tahun.

1.2.4 Pendapatan Bulanan


Rajah 1.4 di bawah menunjukkan tahap pendapatan semua responden adalah bersandar kepada yang lebih rendah kepada RM3,000 dan ke bawah. Walau bagaimanapun, penggunaan internet diperhatikan ada kaitan dengan tahap pendapatan di mana peratus terhadap pengguna internet meningkat seiring dengan pendapatan. Dianggarkan purata pendapatan terhadap semua responden ialah RM3,796.60. Tidak termasuk kategori tanggungan, purata pendapatan menjadi RM5,509.74. Tanggungan ialah mereka yang dasarnya tidak mempunyai pendapatan tetap.



Rajah 1.4:
Peratus taburan mengikut tahap pendapatan

1.2.5 Lokasi Capaian

Kaji selidik yang dilakukan menunjukkan, capaian kepada internet menjadi semakin mudah. Sebanyak 65.1% pengguna internet telah memperolehi capaian internet di mana sahaja dengan menggunakan peranti jalur lebar mudah alih (on-the-go) mereka sendiri. Dalam masa yang singkat akan dapat mengatasi pengguna internet di rumah iaitu 73.0% (Rajah 1.5).



Rajah 1.5

Peratus taburan pengguna mengikut lokasi

Selain itu, 61.2% pengguna on-the-go adalah pelanggan setia Wifi percuma. Melayari internet dari tempat kerja adalah pilihan kedua pengguna pada tahun 2014 telah menurun ke kedudukan keempat walaupun terdapat peningkatan 9.9% pengguna.

Komuniti kemudahan Internet dilawati sebanyak 19.4% oleh pengguna. Malangnya, hanya 35.1% daripada mereka adalah dari kawasan luar bandar.

Penggunaan internet di tempat pendidikan jatuh daripada tempat kelima ke tempat kelapan. Salah satu faktor yang menyumbang berkaitan perkara tersebut adalah mungkin kerana peningkatan terhadap sambungan telefon mudah alih dan penyediaan Wifi yang membolehkan pelajar serta tenaga pengajar melaksanakan pembelajaran dan penyelidikan luar dari kawasan sekolah atau pusat pengajian.

1.2.6 Tujuan Penggunaan

Tujuan penggunaan telah di kaji selidik akhir sekali pada tahun 2011 dalam HUIS2011. Aktiviti yang paling popular di kalangan pengguna internet di Malaysia adalah lebih cenderung kepada rangkaian sosial dan hiburan. Terutamanya komunikasi melalui pesanan diantara pengguna internet mencapai 81.1% daripada pangkalan pengguna, yang mengakibatkan peningkatan terhadap tren aplikasi pesanan telefon mudah alih.

Perkhidmatan kerajaan menunjukkan penerimaan yang mengagumkan oleh sebahagian besar pengguna internet berbanding keputusan yang diperolehi melalui HUIS2011. Walau bagaimanapun, penggunaan internet bagi aktiviti kewangan mengalami pengurangan iaitu 35.1%, ini mungkin disebabkan kebimbangan ke atas isu keselamatan.

1.2.7 Peranti

Peratus pemilikan telefon pintar meningkat secara mendadak iaitu 74.3%. Pemilikan tablet juga meningkat daripada 18.3% pada tahun 2013 kepada 25.5% pada tahun 2016. Ini menunjukkan menyambungan dan talian yang lancar adalah permintaan pengguna internet. Sebaliknya, penggunaan internet oleh pengguna yang menggunakan komputer riba dan komputer peribadi mengalami penurunan. Peratus kedua-dua kategori tersebut masing-masing ialah 51.4% dan 35.3%. Namun, dengan kewujudan model terbaru telefon pintar yang semakin canggih di pasaran, ciri-ciri telefon tersebut masih perlu menggunakan aplikasi secara dalam talian. Pada masa kini, penggunaan TV pintar untuk dihubungkan kepada internet telah mula diperkenalkan.

1.2.8 Rangkaian Sosial

Akses kepada media sosial dan penyertaan terhadap komuniti dalam talian berada dikedudukan kedua senarai tugas pengguna internet. Facebook masih menunjukkan pertumbuhan marginal terhadap pangkalan pengguna iaitu 86.8%. Selebihnya 12.6% mempunyai lebih dari satu akaun Facebook.

Facebook terkenal dalam penyediaan ruangan rangkaian sosial untuk penggunaanya mencari teman baru dan berhubung dengan teman sedia ada serta lama yang telah terputus hubungan. Walau bagaimanapun, rajah di bawah

menunjukkan dua kemuncak tinggi. Dianggarkan 25.0% pengguna Facebook yang menguruskan senarai teman seramai lebih kurang 100 – 300 orang, sementara 24.4% yang berkawan secara terbuka melebihi 1000 orang teman. Dikalangan pengguna Facebook, hanya 48.4% mempunyai akaun media sosial yang lain selain Facebook. Media sosial selain Facebook ialah Instagram (30.3%), Twitter (22.7%) dan Google+ (14.2%).

1.3 Permasalahan Kajian

Prinsip bagi setiap aktiviti pemasaran ialah yang pertama memahami keperluan dan tingkah laku pengguna sasaran. Walau bagaimanapun, pemasaran media sosial memperkenalkan cabaran baru untuk pemasar kerana segmen pengguna baru telah muncul dan berkembang. Adalah menjadi keperluan untuk memahami dan mencari faktor-faktor yang mempengaruhi pemasaran media sosial dalam konteks kepelbagaian budaya.

Sebelum ini pengguna lebih pasif kerana maklumat yang diterima selalunya sehalu dan hanya daripada penjual, keputusan juga dibuat berdasarkan komunikasi sehalu dan komunikasi dua hala sangat terhad antara pengguna disekeliling kita. Pengguna lebih konservatif dan tidak berpeluang sepenuhnya untuk tawar menawar dengan pembekal. Kini segalanya sudah berubah kerana sekarang pengguna terdedah kepada pelbagai komunikasi interaktif dua hala disebabkan oleh laman web media sosial.


```
graph TD; IU[Information User] --> N["Need"]; S[Success] --> IUS[Information Use]; F[Failure] --> IUS; DSI[Demands on Information Systems] --> S; DOI[Demands on other Information Sources] --> F; IUS --> SI[Satisfaction or Non-satisfaction]; IUS --> ISB[Information-seeking Behaviour]; ISB --> IE[Information Exchange]; IE --> OP[Other People]; OP --> IT[Information Transfer]; IT --> IUS;
```

The flowchart illustrates the Information Seeking Process. It begins with an "Information User" who identifies a "Need". This leads to "Information-seeking Behaviour", which branches into "Demands on Information Systems" and "Demands on other Information Sources". These demands result in either "Success" or "Failure". Both outcomes lead to "Information Use". From "Information Use", the process can lead to "Satisfaction or Non-satisfaction" or back to "Information-seeking Behaviour". "Information-seeking Behaviour" also leads to "Information Exchange", which involves "Other People". Finally, "Information Exchange" leads to "Information Transfer", which feeds back into "Information Use".

Rajah 1.6 menerangkan bagaimana biasanya pengguna mendapatkan maklumat untuk kegunaan mereka dan kitarannya. Pengguna maklumat selalunya menggunakan tiga saluran berbeza untuk mencari maklumat yang mereka perlukan, sistem maklumat adalah salah satu saluran yang digunakan, diikuti oleh tradisi atau sumber maklumat untuk bertukar maklumat dengan pengguna lain. Gambarajah menunjukkan sama ada pengguna mendapat kepuasan atau tidak berkaitan maklumat yang telah diterima. Berkemungkinan besar mereka akan berkongsi dan bertukar maklumat dengan pengguna lain. Kemajuan

teknologi maklumat, terutamanya laman media sosial dapat meningkatkan pencarian maklumat dan tingkahlaku perkongsian. Dengan itu dapat mewujudkan pengguna yang lebih berpengetahuan.

Pengguna yang mempunyai pengetahuan yang tinggi akan menganalisa maklumat yang diterima daripada pembeli dan dengan mudahnya mereka dapat membandingkan serta mengesahkan maklumat tersebut menggunakan laman media sosial. Pengguna juga dapat mengumpul maklumat yang berbeza yang tidak berat sebelah dan komen-komen daripada pengguna yang lain bagi membantu dalam proses pembelian. Pengguna sekarang mempunyai kuasa untuk tawar-menawar kerana lebih terdedah dengan pelbagai pilihan lain dan maklum balas daripada banyak sumber.

Pengguna akan menggunakan kuasa tawar-menawar yang lebih bila berlakunya aduan dari pengguna lain tentang barang yang diterima kurang memuaskan. Kuasa tawar-menawar daripada pengguna akan kurang kepada pembekal jika barang atau perkhidmatan yang diterima baik dan tidak terdapat sebarang aduan sebelum ini. Dengan bantuan media sosial, pengguna sekarang dengan mudahnya mendedahkan aduan mereka untuk perhatian dan pengetahuan orang ramai. Ini biasanya akan menyebabkan pengguna menerima lebih layanan yang istimewa daripada pembekal berbanding dengan kontrak asal (Barnes, 2011).

Selain daripada mendapatkan maklumat lanjut tentang keperluan mereka, pengenalan tentang rang undang-undang berkaitan hak pengguna US pada tahun 1963, merubah cara tingkah laku pengguna. Rang undang-undang tersebut diperkenalkan oleh

kerajaan US untuk melindungi hak pengguna dan penekanan diberikan terhadap hak keselamatan, hak memperoleh maklumat, hak membuat pilihan dan hak untuk untuk menyuarakan pendapat (Voines & Filip, 2011).

Organisasi yang menyedari perubahan terhadap tingkahlaku pengguna telah segera bertindak untuk menyertai saluran yang sama yang mana pengguna berkomunikasi dan menyuarakan pendapat. Pulangan pelaburan terhadap organisasi akan terjejas jika tidak menggunakan media sosial yang digunakan oleh banyak digunakan oleh pengguna pada masa kini.

Bagi organisasi yang telah terlibat dengan pemasaran media sosial, berbeza daripada semua strategi pemasaran yang lama dan yang sedia ada, pulangan pelaburan atau penanda aras tidak lagi boleh diukur menggunakan kaedah yang digunakan sebelum ini. Penglibatan pelanggan terhadap laman web media syarikat mungkin tidak akan dimasukkan didalam jualan langsung syarikat. Bilangan pengikut atau peminat terhadap laman media sosial tidak mencerminkan jualan syarikat tersebut secara langsung. Ramai pengikut dan peminat yang berbincang berkaitan organisasi secara dalam talian tidak akan memberi kesan terhadap prestasi syarikat. Pemasaran media sosial mungkin mengalami kesan yang perlahan dan panjang terhadap tingkah laku pengguna.

Media sosial adalah platform percuma untuk melakukan perbincangan yang melibatkan komen yang positif dan negatif. Organisasi yang tidak dapat menangani komen yang negatif secara baik dan berhati-hati daripada pengguna akan mendapati media sosial adalah menjadi mimpi ngeri kepada mereka. Akal manusia secara

semulajadinya lebih banyak menerima dan mengingati input yang negatif, gunakan keupayaan dan kekuatan kita untuk mengelakkan diri daripada kemudatan serta sebarang bahaya dan justeru berita buruk lebih bergerak laju (Champoux et al., 2012). Ini akan menjadi satu ancaman kepada organisasi jika mereka tidak dapat menangani komen-komen yang negatif.

Prinsip setiap peniaga ialah pertama memahami keperluan dan tingkah laku pengguna. mempunyai prinsip Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji kelebihan utama dan halangan terhadap pemasaran melalui facebook yang difahami oleh organisasi di dalam Universiti Utara Malaysia. Penyelidikan ini juga akan melihat kepada budaya organisasi dan saiz bagi menentukan cara organisasi melihat dan menentukan kelebihan dan halangan tersebut. Dengan memahami kelebihan dan halangan tersebut, akan dapat membantu organisasi untuk membuat keputusan bagi pelaburan terhadap pemasaran melalui facebook dan juga pemahaman yang lebih terhadap pemasaran melalui Facebook di Universiti Utara Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti jawapan bagi persoalan kajian berikut:

1. Apakah terdapat hubungan kebolehpercayaan maklumat dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial?
2. Apakah terdapat hubungan kebimbangan terhadap privasi dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial?

3. Apakah terdapat hubungan persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial?
4. Apakah terdapat hubungan kawalan keselamatan media sosial dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial?
5. Apakah terdapat pengaruh yang signifikan terhadap “Kebolehpercayaan maklumat”, “Kebimbangan terhadap privasi”, “Persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian” dan “Kawalan keselamatan terhadap media sosial”.

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti perbezaan faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Kajian ini juga akan membentangkan faktor yang manakah yang lebih penting terhadap pengguna di Universiti Utara Malaysia. Pemasaran media sosial boleh ditakrifkan sebagai proses pencarian untuk meningkatkan kunjungan atau trafik laman web atau tumpuan dan perhatian pengguna melalui penggunaan laman media sosial. Manakala kepelbagaian budaya yang berkisar dengan sikap, kepercayaan atau cara hidup individu atau kumpulan individu.

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji hubungan kebolehpercayaan maklumat dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

2. Mengkaji hubungan kebimbangan terhadap privasi dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.
3. Mengkaji hubungan persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.
4. Mengkaji hubungan kawalan keselamatan media sosial dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.
5. Mengkaji pengaruh yang signifikan terhadap “Kebolehpercayaan maklumat”, “Kebimbangan terhadap privasi”, “Persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian” dan “Kawalan keselamatan terhadap media sosial”.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini menyediakan kerangka kerja tentang faktor yang memengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Kajian ini akan tertumpu kepada pelajar dari Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia. Pemasaran media sosial memainkan peranan yang penting dalam pemasaran kontemporari, oleh yang demikian kajian ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak penyelidik dalam bidang pemasaran media sosial dan ahli perniagaan.

1.7 Pembolehubah Kajian

Pembolehubah adalah berbeza-beza dari segi nilai, arah atau kebiasaannya berbeza dari segi skala dan kekuatan. Terdapat dua jenis pembolehubah dalam penyelidikan deskriptif dan hubungan iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Oleh itu, pembolehubah bebas dan bersandar menerangkan dan menyampaikan antara satu sama lain (Zikmund et. al., 2010).

1.7.1 Pembolehubah Bersandar

Pembolehubah bersandar ditakrifkan sebagai pembolehubah utama dan penting dalam sesuatu kajian. Ia mewakili kesan, keputusan atau output yang diuji untuk dikaji. Ia adalah apa yang ditekakan dalam eksperimen dan apakah kesan semasa eksperimen tersebut dijalankan. Tujuan setiap penyelidik adalah untuk mengenalpasti, menerangkan dan bertindak balas terhadap pembolehubah bebas. Pembolehubah juga bertindak balas terhadap pembolehubah bebas. Dalam kajian ini, pembolehubah bersandar ialah “Sikap Pengguna”.

1.7.2 Pembolehubah Bebas

Pembolehubah bebas mempengaruhi pembolehubah bersandar dalam 2 cara, iaitu sama ada positif atau negatif. Ia mewakili akibat terhadap fenomena atau ia telah diuji untuk mengesahkan samaada pembolehubah tersebut mengakibatkan sesuatu fenomena berlaku. Penyelidik juga dapat mengawal, memilih atau memanipulasi

pembolehubah bebas tersebut. Ini adalah berdasarkan persepsi atau faktor yang memberi kesan terhadap pembolehubah bersandar yang telah dipilih. Dalam kata lain pembolehubah bersandar dan bebas adalah berkaitan antara satu sama lain. Pembolehubah bebas dalam kajian ini adalah “Kebolehpercayaan maklumat”, “Kebimbangan terhadap privasi”, “Persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian” dan “Kawalan keselamatan terhadap media sosial”.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada empat faktor yang mempengaruhi sikap pengguna dalam pemasaran media sosial iaitu “Kebolehpercayaan maklumat”, “Kebimbangan terhadap privasi”, “Persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian” dan “Kawalan keselamatan terhadap media sosial”. Fokus diberikan terhadap empat faktor ini kerana faktor-faktor tersebut diketahui memainkan peranan yang besar di dalam menentukan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Kajian ini menggunakan pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia sebagai responden terhadap soal selidik yang diberikan kerana mereka terlibat secara langsung di dalam penggunaan media sosial. Kajian terdahulu mendapati bahawa pembolehubah-pembolehubah bebas dalam kajian ini memainkan peranan dalam menentukan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Walau bagaimanapun didapati bahawa pembolehubah-pembolehubah ini tidak mempunyai kuasa penentu yang kuat terhadap sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Berdasarkan kepada kekangan ini

maka kajian ini akan memberi pengukuhan terhadap peranan faktor-faktor ini. Selain daripada itu kajian ini jugak akan mengkaji pembolehubah manakah yang mempunyai pengaruh yang paling kuat terhadap sikap pengguna dalam pemasaran media sosial.

Senarai responden untuk kajian ini diperolehi daripada senarai kesemua pelajar Pusat Pengajian perniagaan yang terdapati daripada Bahagian Hal Ehwal pelajar, Universiti Utara Malaysia berdasarkan semester A171. Mereka ini dipilih kerana golongan ini merupakan golongan yang banyak menggunakan media sosial.

1.9 Definisi Operasi Terma Kajian

Kajian ini menggunakan definisi terma kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 dibawah supaya kita mempunyai pemahaman yang sama terhadap elemen-elemen di dalam kajian ini.

Jadual 1.1
Definisi Operasi Terma Kajian

Terma	Definisi
Sosial Media	Kumpulan aplikasi berasaskan internet yang membenarkan pewujudan dan Pertukaran user generated kandungan maklumat yang dibuat oleh pengguna (Kaplan & Haenlein, 2010). Manakala Peters et al., (2013) menyatakan bahawa media sosial adalah satu struktur sosial yang terdiri daripada sekumpulan pelakon sosial (individu, kumpulan, atau organisasi). Shojaee (2013) menyatakan bahawa Media sosial adalah hanya satu cara untuk sambungan interaktif antara pelanggan dan jenama dengan berkongsi maklumat dan pengalaman melalui laman web.

Jadual 1.1 (Sambungan)

Terma	Definisi
Pemasaran Media Sosial	Ia ditakrifkan sebagai sebarang bentuk langsung atau pemasaran yang digunakan untuk membina kesedaran, pengiktirafan, peringatan dan tindakan untuk satu jenama, perniagaan, produk, orang atau entiti lain dan dijalankan dengan menggunakan alat-alat laman sosial seperti Blog, microblogging, laman rangkaian sosial dan berkongsi kandungan (Gilfoil, D.M. & Jobs, C., 2012).
Sikap Pengguna	Sikap pengguna ialah didefinisikan sebagai " seseorang yang menahan penilaian menguntungkan atau tidak menguntungkan, perasaan emosi dan tindakan kecenderungan ke arah beberapa objek atau idea." Sikap boleh membentuk minda rakyat, membuat mereka suka atau tidak suka kepada objek, menggerakkan mereka ke arah atau dari objek itu. Oleh itu, tingkah laku orang yang dipengaruhi oleh sikap dan membuat mereka berkelakuan dalam cara yang agak konsisten ke arah objek seumpamanya (Kotler& Keller, 2006)
Kebolehpercayaan Maklumat	Kebolehpercayaan merujuk kepada tahap kebolehpercayaan pengguna terhadap sesuatu maklumat dalam laman media sosial. Bagi mengukur kebolehpercayaan maklumat, kaedah pengukuran yang digunakan oleh Sarwar dan Haque et al., (2013) telah diterima pakai. Responden akan diberikan borang soal selidik yang mengandungi soalan bagi menunjukkan sejauh mana kebolehpercayaan mereka terhadap sesuatu maklumat, iklan dan promosi yang mereka lihat dalam laman media sosial.

Jadual 1.1 (Sambungan)

Terma	Definisi
Kebimbangan terhadap privasi	Ditakrifkan kebimbangan privasi individu sebagai kebimbangan seseorang terhadap hak untuk bersendirian dan menganggap beberapa dimensi seperti privasi individu, tingkah laku, komunikasi dan data peribadi. Pengguna mersa bimbang berkenaan penggunaan data peribadi dan lain-lain di gunakan di internet dan menjejaskan aspek-aspek seperti dalam mendapatkan, pengedaran atau penggunaan maklumat peribadi (Clarke, 1999)
Percepsi Kebolehpercayaan terhadap iklan	Ditakrifkan kebolehpercayaan pengiklanan sebagai "persepsi pengguna terhadap kebenaran pengiklanan secara umum dan merujuk kepadanya sebagai "kebolehamalan dan tersirat dan tersurat syarat-syarat perjanjian." Ia merupakan satu komponen yang penting dalam penerimaan teknologi dan diterima pakai dan hendaklah dimasukkan ke dalam penyelidikan yang memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi (McKenzie dan Lutz, 1989)
Kawalan keselamatan terhadap pemasaran media sosial	Kawalan keselamatan terhadap pemasaran media sosial merujuk kepada pengukuran terhadap risiko yang dirasakan oleh pengguna dalam setiap proses kerja yang dilakukan melibatkan media sosial dan ini adalah faktor terpenting dalam media sosial (Mohammadian & Mohammadreza, 2012). Walau bagaimanapun, laman media sosial perlu dilaksanakan dengan kawalan keselamatan yang lebih ketat bagi mengelakkan sebarang urusan penipuan berlaku (Sarwar, Haque & Yasmin, 2013).

1.10 Organisasi Kajian

Kajian ini disusun mengikut lima bab. Bab satu meliputi latar belakang kajian, pemasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, signifikan kajian dan definasi operasi terma-terma kajian. Bab kedua membincangkan sorotan karya berkenaan dengan sikap pengguna dalam pemasaran media sosial dan juga dimensi-dimensi yang terlibat dalam rangka teoritikal kajian. Bab 3 menggariskan rekabentuk kajian serta metodologi kajian, manakala bab 4 memberikan dapatan kajian dan analisa statistik kajian. Akhir sekali bab lima adalah pembincangan mengenai dapatan kajian, implikasi kajian, limitasi kajian dan cadangan untuk kajian hadapan.

1.11 Kesimpulan

Bab ini menyediakan gambaran keseluruhan terhadap subjek kajian dengan melihat kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian dan objektif kajian. Kefahaman terhadap latar belakang kajian menyediakan garis panduan untuk kajian ke atas persoalan bagaimana, di mana dan mengapa menjalankan kajian ini. Persoalan kajian dan set objektif daripada bab ini akan menjadi tulang belakang keseluruhan kajian. Pada akhir bab ini, pembaca boleh memahami objektif kajian ini dan mendapat sedikit pemahaman ringkas berkaitan subjek kajian.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.0 Pengenalan Bab

Bab ini membincangkan sorotan karya berkenaan dengan semua dimensi yang digunakan dalam kajian ini. Sorotan karya di dalam bab ini disusun mengikut pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas serta hubungan di antara keduanya. Bahagian pertama bab ini membincangkan pembolehubah bersandar iaitu sikap pengguna terhadap media sosial. Bahagian kedua bab ini membincangkan sorotan karya kesemua pembolehubah-pembolehubah bebas iaitu kebolehpercayaan maklumat, kebimbangan terhadap privasi, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian dan kawalan keselamatan terhadap media sosial.

2.1 Pemasaran Media Sosial

Media sosial bermula apabila internet wujud. Pada tahun 1979, UseNet telah menggunakan newsgroups untuk menghantar artikel. Selepas itu, Bulletin Board System (BBS) yang boleh diakses melalui komputer personal hanya melalui satu individu yang boleh berinteraksi dengan individu yang lain. Selepas BBS, CompuServe dan Prodigy yang menyediakan perkhidmatan atas talian yang syarikat gunakan untuk mengakses Internet dan chat. Internet Relay Chat dan Instant Messaging dicipta dan digunakan untuk berkongsi fail dan sentiasa berhubung. Mereka juga memperkenalkan dunia kepada laman web temu janji, dimana laman rangkaian sosial pertama muncul dan membolehkan orang ramai untuk

membuat profil bersama gambar dan berhubung dengan pengguna lain. Laman seperti Google, Wikipedia dan Friendster akhirnya dicipta. Pada masa kini, terdapat begitu banyak laman media sosial, antara yang paling popular ialah Facebook, Twitter, Youtube, LinkedIn dan Wikipedia.

Media sosial adalah saluran atau ruang dimana manusia berinteraksi untuk mencipta, berkongsi dan bertukar maklumat di alam maya melalui aplikasi internet. Media sosial membawa pelbagai bentuk seperti rangkaian laman sosial, kumpulan komuniti, blogs, penceritaan digital, imej dan perkongsian video, portal podcasts dan permainan maya.

Terdapat perbezaan diantara media sosial dan media yang lain seperti televisyen, suratkhbar dan filem. Perbezaan tersebut adalah dari segi kualiti, capaian, penggunaan dan kekerapan penggunaan. Kualiti maklumat melalui sosial media adalah berbeza dimana beberapa kes mempunyai kualiti yang tinggi dan sesetengah berkualiti rendah dengan maklumat yang diberikan berbau kesat dan hina yang boleh menjatuhkan maruah. Tidak seperti media tradisional dimana kualitinya lebih terjamin memandangkan ia perlu ditapis sebelum dipertontonkan kepada umum.

Dari segi capaian, media sosial lebih dapat dicapai dengan lebih meluas keseluruhan pelusuk dunia berbanding media tradisional yang hanya dapat dicapai oleh sebilangan kecil orang dan hanya berpusat di satu tempat atau kawasan sahaja. Pengiklanan menggunakan media sosial adalah lebih tinggi kekerapan iklan tersebut ditayangkan berbanding media tradisional. Kemudahan mengakses maklumat melalui media sosial adalah lebih mudah kerana kos yang murah atau tiada kos langsung, tidak seperti media tradisional seperti

suratkhabar kerana ia melibatkan kos jika perlu diiklan melalui suratkhbar. Media sosial khususnya seperti suratkhbar atau majalah apabila sudah dicetak dan diterbitkan, maklumat yang terkandung tidak lagi boleh diubah, tidak seperti media sosial dimana maklumat yang disiarkan boleh diubah. Akhir sekali, media sosial adalah interaktif, terjadi tepat pada masa dan lebih efektif dari bentuk media yang lain (Kaplan & Haenlein, 2010).

Media sosial memberi peluang kepada organisasi untuk berinteraksi dengan pelanggan, pada masa yang sama membenarkan pelanggan tetap berkomunikasi dengan satu sama lain. Perbincangan dan interaksi sesama pelanggan memastikan organisasi bertindak selaras dengan maklumat organisasi yang hendak dicapai. Organisasi telah menyediakan rangkaian platform untuk pelanggan mereka dan menguasai mereka semasa berbloging dan perkakasan media sosial yang lain. Media sosial dilihat sebagai peluang yang besar kepada pemasar bagi merangsang pasaran mereka. Pemasar terlalu gembira melihat laman sosial adalah saluran terkini untuk mereka memasarkan produk dan perkhidmatan mereka (Scotti, Marco & Vedres, 2002). Pemasaran media sosial telah menjadi keutamaan dalam persekitaran perniagaan masa kini dan pelanggan sendiri lebih menerima pemasaran penggunaan media sosial. Malah, saluran pemasaran ini dianggap lebih interaktif, dimana pelanggan dapat berbincang dan berkongsi maklumat sesama mereka atau dengan syarikat itu sendiri berkaitan produk yang diiklankan dan mereka meyokong dan memperkenalkan produk tersebut kepada pelanggan lain dikalangan teman-teman mereka (Bashar & Wasiq, 2012).

2.2 Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial

Sikap merujuk kepada perasaan atau cara pemikiran seseorang tentang sesuatu dan kecenderungan terhadap sesuatu subjek (Oxford Dictionaries, 2013). Sikap mempengaruhi kedudukan minda seseorang untuk bertindak terhadap sesuatu perkara atau tingkah laku yang mengikutinya. Pada dasarnya, keadaan pemikiran dan tingkah laku seseorang timbul disebabkan sesuatu keadaan yang merujuk kepada sikap mereka.

Sejak terciptanya internet, persepsi pengguna terhadap pembelian atas talian telah banyak berubah. Kebanyakan pengguna yang berpotensi, menggunakan internet setiap hari dan mengikuti keahlian mereka kepada satu atau lebih halaman sosial atas talian (Vinerean, Cetina, Dumitrescu & Tichindelean, 2013). Ini bermakna terdapat sebilangan besar pelanggan atas talian yang dapat mewujudkan pelanggan berpotensi. Sebelum ini saluran tradisional seperti televisyen, radio dan media bercetak sangat popular dan penggunaan yang meluas dalam pemasaran. Merujuk kepada (Zarella, 2009) perkembangan media sosial dan penggunaan secara meluas serata dunia telah membuatkan ia sebagai platform utama pemasaran kepada majoriti perniagaan dan entiti bukan perniagaan.

2.2.1 Faktor Yang Mempengaruhi Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial

Terdapat banyak kelebihan menggunakan media sosial berbanding lain-lain bentuk pengiklanan (Nadaraja & Yazdanifard, 2013). Pertama, ia mempunyai pengikut dan peminatnya yang besar dan penggunaannya lain daripada media yang lain. Melebihi satu billion pengguna serata dunia menggunakan media sosial. Dalam tempoh terdekat

dijangkakan bahawa seorang dalam setiap empat orang akan menggunakan media sosial. Keduaanya, media sosial lebih murah dan efektif. Penggunaan masa serta perbelanjaan dapat dikurangkan dalam urusan pengiklanan. Kos bagi mempromosikan iklan dalam laman sosial seperti Facebook lebih murah berbanding dengan penggunaan media yang lain.

Walaupun bagaimanapun, sebelum sebuah entiti komersial mengambil keputusan untuk menggunakan media sosial untuk membuat pengiklanan, terdapat beberapa faktor perlu dipertimbangkan. Faktor-faktor tersebut sebahagian besarnya mencerminkan sifat atau bentuk laman sosial yang digunakan.

Faktor pertama adalah kepercayaan dalam maklumat yang disampaikan dan akibat kepercayaan tersebut dalam laman sosial yang digunakan (Buskens, 2002). Pengguna sangat berhati-hati terhadap propaganda yang tersebar dalam media sosial. Sesetengah laman media sosial dianggap tidak boleh dipercayai dan pengiklanan dalam laman tersebut tidak akan mencapai kewajaran dan objektif pemasaran yang dicari. Reputasi syarikat atau laman media sosial tersebut menjadi instrument dalam mempengaruhi pemasar untuk membuat pengiklan dalam media sosial tersebut. Kesimpulannya, laman sosial yang mempunyai reputasi yang baik dapat menarik lebih kepercayaan dan kredibiliti maklumat yang disalurkan melaluinya.

Keduaanya, kebimbangan privasi yang memainkan peranan utama dalam menentukan sama ada orang ramai akan membuat pengiklanan dalam media sosial atau tidak. Isu-isu yang penting seperti kecurian identiti dan penyimpanan data. Kajian tentang privasi dan keselamatan dalam media sosial (Dhami, 2013) menunjukkan yang orang

menyamar dalam media sosial. Entiti komersial dan terutamanya syarikat perniagaan terkenal sering kali digunakan dalam media sosial, sedangkan mereka tidak pernah menyertai laman media sosial tersebut. Laman web komersil entiti yang besar selalunya dikendalikan oleh orang luar akan memberi rintangan utama terhadap reputasi syarikat tersebut ini adalah kerana maklumat syarikat dapat diakses oleh orang luar. Ini seringkali dipengaruhi oleh mod penyimpanan data yang dipegang dan diselenggara oleh laman media sosial. Sesetengah terma dan polisi perjanjian yang wajib dipersetujui sebelum menyertai laman media sosial memerlukan kebenaran agar maklumat tentang pengguna boleh dikongsi dengan pihak ketiga.

Ketiga, jenayah siber seperti penggodaman telah meningkat dan mewujudkan ketakutan kepada pengguna berpotensi untuk mendaftar dan menggunakan media sosial (Santanam & Sethumadhavan, 2011). Tahap keselamatan dan kapasiti teknikal yang ditawarkan oleh pelbagai laman media sosial juga berbeza. Sesetengahnya menikmati tahap keselamatan yang tinggi dan sebilangannya lemah. Pengguna akan merasa selesa terhadap laman yang dilindungi. Ini membolehkan akaun mereka selamat dan penyebaran maklumat palsu dapat dicegah. Keselamatan juga seharusnya melindungi pengguna dari sebarang maklumat yang tidak diinginkan atau berniat jahat dan juga melindungi komunikasi yang bersifat peribadi.

Keempat, mewujudkan persepsi yang dapat merangsang kredibiliti pengiklanan atas talian juga penting. Sebilangan besar pengguna melihat media sosial sebagai

sekumpulan orang yang sia-sia, yang tidak akan menjadi pengguna yang serius kepada produk mereka.

Selain itu, kegunaan media sosial adalah salah satu faktor yang menentukan sama ada pengiklan memilih media sosial. Kegunaan media sosial merangkumi beberapa aspek termasuk bilangan pengguna dalam laman sosial, purata masa diperuntukkan dalam menggunakan media sosial seharian dan alasan mengapa mereka menggunakan media sosial. Walaubagaimanapun, laman web pelbagai guna seperti Facebook and Twitter menerima penggunaan yang meluas kerana laman web tersebut sangat ideal bagi tujuan pengiklanan.

Kesimpulannya, kajian menunjukkan tiada bentuk media lain yang memperoleh 45% penggunaan di seluruh dunia (Cocotas, 2013). Walau bagaimanapun, sambutan yang diterima oleh media sosial telah mendorong pemasar untuk mendapatkan bentuk alternatif lain yang dapat dicapai oleh pengguna melalui mereka. Laman media sosial terkemuka seperti Facebook telah mencipta ciri pengiklanan khas bagi mempromosikan *posts* dan juga video pengiklanan.

2.3 Kebolehpercayaan Maklumat

Pertamanya, perlu ada kebolehpercayaan atau amanah dalam maklumat yang disebarkan dan akibatnya kepercayaan terhadap laman sosial yang digunakan (Buskens, 2002). Pengguna sangat berhati-hati terhadap propaganda yang disebarkan dalam media sosial. Seseengah laman media sosial dianggap tidak boleh dipercayai dan pengiklanan dalam laman sosial tersebut tidak akan mencapai objektif pemasaran yang dikehendaki. Reputasi

media sosial organisasi tersebut akan mempengaruhi pemasar untuk membuat iklan secara atas talian menggunakan media sosial tersebut. Kesimpulannya reputasi laman web mempengaruhi dan menarik lebih kepercayaan serta kredibiliti untuk maklumat disalurkan melalui mereka.

Kebolehpercayaan sesuatu maklumat adalah berkait rapat dengan kredibiliti sumber maklumat tersebut. Kebolehpercayaan merujuk kepada sesuatu yang kompleks berkaitan dengan kepercayaan dalam kejujuran, kebenaran, kecekapan, dan lain-lain perkara atau perkhidmatan yang dipercayai (Grandison & Sloman, 2000). Manakala kredibiliti pula ditafsirkan sebagai kepercayaan terhadap sumber sesuatu maklumat yang merangkumi tahap kepakaran dan kebolehpercayaanya (Flanagin & Metzger, 2008).

Dengan pendedahan yang meluas terhadap Internet, pengguna tidak terkecuali untuk terdedah kepada ancaman siber seperti penipuan internet, kecurian data peribadi, manipulasi psikologi atau cinta, pengedaran dadah, pengubahan wang haram, pornografi, skim cepat kaya, perisian jahat (malware) dan lain-lain lagi. Dalam kertas kerja ini, ancaman siber yang akan difokuskan adalah berkaitan kesahihan maklumat di internet. Kebanjiran maklumat di Internet menyebabkan pengguna sukar untuk memastikan kesahihannya sama ada dari segi kandungan dan juga sumbernya. Kebanyakan ancaman siber adalah berkaitan maklumat palsu yang menyebabkan ramai pengguna tertipu sehingga menyebabkan kesusahan kepada pihak lain malah ada terjerumus dalam kegiatan yang salah.

Beberapa kajian lepas mendapati pelajar institusi pengajian tinggi masih belum memahami sepenuhnya tentang ancaman Internet dan cara menggunakan Internet dengan selamat dan beretika (Vadivel et. al., 2014). Kebanyakan pelajar belajar dan melihat ancaman dan risiko Internet dengan pengetahuan yang terhad yang mereka peroleh sepanjang pengalaman mereka menggunakan Internet. Tanpa latihan formal tentang kursus keselamatan internet, kebanyakan pelajar menggunakan Internet tanpa panduan yang betul dan mengambil risiko keselamatan Internet berdasarkan persepsi mereka.

2.4 Persepsi Pengguna Terhadap Kebolehpercayaan Iklan Atas Talian

Isu berkaitan kredibiliti, kebolehpercayaan privasi, perbezaan jantina dan interaktiviti telah dikaji oleh penyelidik sebelum ini dalam pengiklanan dan pemasaran atas talian. Walau bagaimanapun, kajian literatur tentang persepsi pengguna terhadap pengiklanan atas talian melalui media sosial adalah kurang dan terhad (Bond et. al 2010). Kajian yang telah dilakukan oleh Zeng et. al., (2009) mendapati bahawa sambutan terhadap pengiklanan atas talian melalui rangkaian media sosial banyak bergantung kepada persepsi terhadap kerelevanan iklan dan nilai, serta dipengaruhi oleh identiti sosial dan norma-norma kumpulan. Berbeza dengan Hadija (2008) yang mendapati bahawa interaktiviti dilihat sebagai pengaruh yang penting dalam respon pengguna dalam perkara yang sama. Lain-lain dimensi atau ukuran seperti pengelakkan pengiklanan, kredibiliti dan privasi telah digunakan untuk mengukur persepsi pengguna terhadap pengiklanan atas talian (Kelly, 2008; Roberts, 2010).

Gabriel (2007) mengkaji mengenai persepsi risiko kepada pengguna atas talian dan akan mendedahkan “peta kognitif” terhadap sikap dan persepsi mereka kepada risiko atas talian. Ia telah dicapai dengan mengubah senarai induk terhadap bahaya dan aktiviti atas talian, mengukur tahap tanggapan risiko semasa, tahap risiko yang dikehendaki dan keinginan tahap peraturan yang berkaitan dengannya, mengubah senarai induk dari ciri-ciri risiko atas talian, menentukan ukuran risiko atas talian dan pendedahan kedudukan setiap bahaya atas talian atau aktiviti berkaitan.

Noort, Kerkhof dan Fennis (2007) dalam dua eksperimen yang dijalankan, impak terhadap konteks membeli-belah ke atas persepsi risiko pengguna dan fokus peraturan telah dikaji. Mereka menjangkakan bahawa individu melihat persekitaran membeli-belah atas talian (vs. konvensional) lebih berisiko. Hasil dari kajian pertama menunjukkan kesan terhadap penggunaan ukuran lapor-diri terhadap persepsi risiko dan fokus pencegahan. Kajian kedua, mengambil dapatan kajian pertama dan mengukur bahawa kesan persekitaran pembelian atas talian membawa lebih terhadap sikap dalam domain yang tidak berkaitan dengan pembelian.

Nikhashem, Yasmin dan Ahsanul Haque (2011) menjalankan kajian yang menyelidik persepsi orang ramai terhadap pembelian tiket atas talian (e-Ticketing) serta kenapa sesetengah orang menggunakan kemudahan ini dan sesetengahnya pula masih tetap dengan cara tradisional bagi memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Selain itu, faktor seperti kesungguhan dan keengganan untuk menggunakan kemudahan internet juga turut dikaji. Hasil daripada kajian menunjukkan kerangka kerja bersepadu yang

menyeluruh yang boleh digunakan oleh pembuat polisi dan badan-badan perniagaan untuk memahami hubungan dinamik dikalangan dimensi daripada risiko dilihat, kebolehppercayaan pengguna, kebergunaannya, kebiasaan dan keyakinan. Kajian ini juga mempertimbangkan bagaimana persepsi harga dan keselamatan internet boleh digunakan bagi memahami persepsi pengguna.

2.5 Sensitiviti Privasi

Beberapa definisi terhadap sensitiviti privasi telah diberikan. Weible (1993) mentakrifkan sensitif kepada maklumat sebagai “tahap kebimbangan privasi yang dirasakan oleh individu bagi sesuatu data dalam situasi tertentu”. Lawler (2002) menegaskan bahawa pengguna yang sensitif terhadap privasi mereka adalah sensitiviti pengguna terhadap hak untuk tidak berkongsi maklumat mereka dengan peniaga laman web, yang menggunakan maklumat yang diberikan untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan mereka melalui teknik atau kaedah keperibadian.

Hamilton (2005) mencadangkan “Sensitiviti privasi adalah kecenderungan sikap yang menggambarkan kesanggupan individu untuk berkongsi maklumat yang bersifat peribadi.” Bedford (2005) juga menyatakan bahawa “Sensitiviti privasi dilihat sebagai moderator terhadap kepercayaan dalam diri seseorang itu yang lebih sensitif kepada isu privasi yang memerlukan tahap kepercayaan yang tinggi”.

Terdapat beberapa kajian dan artikel yang telah menunjukkan aspek berbeza terhadap privasi sensitiviti dalam persekitaran atas talian. Bererapa penyelidikan juga

telah mengkaji isu-isu sensitiviti privasi yang timbul atas talian (Bedford, 2005; Hamilton, 2005; Lawler, 2002), sementara yang lain melihat kepada sensitiviti privasi dari sudut maklumat peribadi (Weible, 1993).

Privasi atas talian sering menimbulkan perdebatan semenjak kewujudannya daripada internet (Roberts, 2010). Dalam rangkaian laman web (SNSs), kebimbangan privasi adalah menjadi satu isu semenjak pengguna berkongsi maklumat mereka seperti maklumat peribadi, gambar, status, hobi dan sebagainya. Barnes (2006) menyatakan bahawa golongan remaja telah menerima rangkaian sosial media dan perkongsian secara umum maklumat peribadi di laman-laman sosial.

2.5.1 Polisi Privasi

Setelah kewujudan internet, maklumat tentang individu semakin mudah untuk diperolehi. Sesetengah maklumat boleh dibeli daripada beberapa organisasi tetapi kebanyakan maklumat boleh didapati daripada individu itu sendiri. Dengan meningkatnya kesedaran pengguna, organisasi atas talian mula mematuhi polisi privasi yang menjelaskan dan mengawal penggunaan terhadap maklumat peribadi yang diambil oleh individu yang menggunakan laman web mereka. Walaupun orang ramai melaporkan bahawa mereka sensitif kepada maklumat peribadi yang dikongsi dan disalahgunakan atas talian (Cadogan, 2001; Prince, Adam, & Nuseibeh, 2005; Rohm & Milne, 2004), mereka tidak meneliti dan membaca notis privasi (Milne & Culnan, 2004; Mollick, 2005; Nakos, 2003, p. 125; Jensen, Potts, & Jensen, 2005). Namun, kewujudan notis privasi adalah bagi

meningkatkan kesediaan pengguna bagi memberi maklumat peribadi dan demografi (Milne & Culnan, 2004; Phelps, Nowak, & Ferrell, 2000; Xie, Teo, & Wan, 2006).

Ng Kruelle, Swatman, Rebne dan Hampe (2003) menyatakan bahawa penyahpekaan boleh berlaku dari masa ke masa berkaitan privasi. Kemungkinan dalam kajian akan datang perlu mengkaji tentang kewajaran atau faktor yang mempengaruhi mengapa orang ramai tidak membaca notis privasi.

2.6 Kawalan Keselamatan Terhadap Pemasaran Atas Talian

Jenayah siber seperti penggodaman semakin meningkat dan menimbulkan ketakutan dikalangan pengguna berpotensi dalam menggunakan media sosial (Santanam & Sethumadhavan, 2011). Tahap keselamatan yang ditawarkan berbeza berikutan kapasiti teknikal terhadap pelbagai laman media sosial. Sesetengahnya menikmati tahap keselamatan yang tinggi sementara yang lainnya terjejas. Pengguna akan lebih selesa dengan laman yang lebih dijamin keselamatannya. Ini akan membuatkan akaun mereka lebih selamat dan penyebaran secara salah dapat dielakkan daripada maklumat yang tidak dikehendaki serta salah disamping dapat melindungi komunikasi yang bersifat peribadi.

2.6.1 Undang-Undang Privasi

Lebih daripada 4 dekad yang lalu, undang-undang persekutuan telah bekerja keras dan bergiat aktif bagi membanteras isu-isu berkaitan privasi dengan mewujudkan pelbagai akta bagi melindungi pengguna. Baru-baru ini kerajaan yang mengawalselia peraturan-peraturan telah melakukan beberapa perubahan

berkaitan cara maklumat peribadi individu diperoleh, disimpan, digunakan dan dilupuskan. Peraturan lain adalah untuk perjanjian antarabangsa bagi industri perbankan dan kewangan (Basel II) yang berstandard global yang menerangkan bagaimana bank-bank dan institusi kewangan mengukur dan mengenali risiko.

Terdapat beberapa statut dan akta yang mempunyai implikasi kepada teknologi maklumat dan bidang keselamatan. Lebih kurang 4 dekad, undang-undang telah memberi impak kepada privasi atas talian. Fair Credit Reporting Act of 1970, adalah undang-undang persekutuan yang pertama yang menentukan amalan maklumat yang adil (Hamilton, 2005; Westin, 2003). Berikutan kemerosotan kepercayaan orang ramai terhadap institusi kerajaan, tidak lama selepas itu diikuti dengan Privacy Act of 1974 dimana menangani penggunaan terhadap maklumat peribadi yang disimpan dalam pangkalan data persekutuan (Hamilton, 2005; Livingston, 2002; Westin, 2003). Selain daripada itu, undang-undang privasi merangkumi Right to Financial Privacy Act of 1978, Cable Communications Policy Act of 1984, Electronic Communications Privacy Act of 1986, Video Privacy Protection Act 1988, Computer Matching and Privacy Protection Act of 1988, Consumer Internet Privacy Protection Act of 1999 and The Fair and Accurate Credit Transaction Act of 2003.

Akta Perlindungan Data Peribadi

Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang ditubuhkan

pada 16 Mei 2011 selepas Parlimen meluluskan Rang Undang-undang berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) iaitu Akta 709. Tanggungjawab utama Jabatan ini ialah untuk mengawalselia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urusan niaga komersial oleh Pengguna Data supaya tidak disalahguna dan disalahpakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Keselamatan data peribadi pengguna perlu dilindungi bagi mencegah sebarang bentuk penyalahgunaan terhadap penyimpanan atau pemprosesan data peribadi individu, awam dan swasta di Malaysia secara transaksi komersial adalah termaktub di bawah APDP ini.

Dalam menguatkuasakan APDP, JPDP telah mensyaratkan kepada semua Golongan Pengguna Data Peribadi yang terdiri daripada pihak individu mahupun swasta kecuali Kerajaan untuk berdaftar secara rasmi bagi tujuan melindungi hak-hak pengguna dan awam.

Kebanyakan perkhidmatan rangkaian sosial menyediakan ruang bagi penggunanya untuk meletakkan maklumat peribadi seperti nama penuh, alamat rumah, nombor telefon dan maklumat penting yang lain. Ciri yang asalnya bertujuan membantu memudahkan pengguna satu-satu perkhidmatan rangkaian sosial berkenalan dan berhubung telah secara tidak langsung mendedahkannya kepada risiko kecurian maklumat pengguna oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kerahsiaan adalah aspek yang penting yang perlu ditekankan dalam keselamatan komputer. Sistem komputer yang digunakan telah dilengkapi


dengan sistem pengendalian yang boleh mengelakkan pengguna daripada memasuki rangkaian sistem pihak lain samaada secara sengaja ataupun tidak sengaja. Sumber komputer dapat dicapai dan disediakan tanpa mengira kedudukan geografi dunia. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu mengetatkan undang-undang dan peraturan terhadap segala kegiatan penyalahgunaan media sosial.

2.7 Kerangka Konseptual

Rajah 2.1 di bawah menunjukkan pembolehubah yang telah digunakan di dalam kajian ini sebagai pertimbangan. Di dalam kajian ini, sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial adalah pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas ialah kebolehpercayaan maklumat, kebimbangan terhadap privasi, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian, kawalan keselamatan terhadap media sosial dan penggunaan media sosial. Rajah di bawah ialah kerangka konseptual.

PEMBOLEHUBAH BEBAS

PEMBOLEHUBAH BERSANDAR



Rajah 2.1:
Kerangka Konseptual Kajian

2.8 Hipotesis

Hipotesis merujuk kepada kenyataan terhadap pernyataan yang belum dibuktikan lagi secara empirik yang boleh diuji (Zikmund, 2003). Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Ia adalah “Kebolehppercayaan maklumat”, “Kebimbangan terhadap privasi”, “Persepsi kebolehppercayaan terhadap iklan dalam talian” dan “Kawalan keselamatan terhadap media sosial”.

Kepercayaan adalah penting dan saling bergantung, yang wujud antara peniaga atau pemasar dengan pengguna. Kepercayaan amatlah penting dalam konteks pemasaran media sosial kerana ia adalah asas kepada keseluruhan interaksi sosial manusia. Oleh itu,

tanpa kepercayaan, pengguna tidak akan menggunakan sebarang urusanniaga melalui platform pemasaran media sosial (Abdul Rahman & Hailes, 2000 seperti yang dipetik dalam Klaver, 2013).

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehpercayaan maklumat dalam laman media sosial dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Faktor kedua ialah kebimbangan terhadap privasi yang dapat mempengaruhi kepercayaan pengguna dalam pemasaran media sosial. Kebimbangan terhadap privasi adalah perasaan bimbang dan takut yang dialami oleh pengguna media sosial berkaitan aktiviti atas talian tertentu dan transaksi yang terlibat. Persepsi atau perasaan terhadap saluran yang digunakan akan mencerooboh privasi mereka dan berkemungkinan maklumat yang dikongsi atas talian memainkan peranan penting sama ada mereka perlu meneruskan urusanniaga melalui media sosial (Banerjee & Banerjee, 2012)

H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan terhadap privasi dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Kebolehpercayaan terhadap pengiklanan atas talian mempengaruhi persepsi pengguna (Cha, 2010; Crosby, 1990). Media sosial menyediakan pengiklanan atas talian yang baik yang boleh diharap dan dipercayai serta dapat meliputi kawasan yang lebih luas. Kebolehpercayaan terhadap kebanyakan media sosial meningkatkan kepercayaan

pengguna dan oleh itu mewujudkan sikap positif pengguna terhadap pemasaran media sosial.

H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pengguna terhadap kebolehpercayaan pengiklanan atas talian dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Faktor lain ialah kawalan keselamatan yang melindungi jenayah, kerugian atau bahaya yang mungkin berlaku berpunca daripada interaksi melalui media sosial dalam konteks pemasaran. Apabila pengguna media sosial mempunyai persepsi bahawa pemasaran media sosial tidak berisiko kerana transaksi kepada peniaga yang mereka pilih tidak akan menjejaskan privasi dan keselamatan. Persepsi berisiko tersebut dapat mengurangkan jenayah melalui transaksi atas talian (Mohammadian & Mohammadreza, 2012).

H4: Terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan keselamatan dalam laman media sosial dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Akhir sekali ialah menilai faktor yang paling signifikan yang mempengaruhi sikap pengguna dalam memilih pemasaran media sosial. Faktor-faktor yang terlibat ialah “Kebolehpercayaan maklumat”, “Kebimbangan terhadap privasi”, “Persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian” dan “Kawalan keselamatan terhadap media sosial”.

H5: Terdapat pengaruh antara kebolehpercayaan maklumat, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian, kebimbangan terhadap privasi dan kawalan keselamatan terhadap media sosial dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial

2.9 Kesimpulan

Bab ini menerangkan perkara utama yang mengaitkan faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pasaran media sosial. Elemen ini adalah penting kerana kita perlu mengetahui tentang faktor yang menyebabkan kecenderungan pengguna dalam memilih pasaran melalui media sosial. Bagi memberi keterangan yang lebih mendalam terhadap faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pasaran media sosial, kajian yang dijalankan ini akan menerangkan beberapa faktor yang akan digunakan untuk diselidik ialah kebolehpercayaan maklumat, kebimbangan terhadap privasi, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian dan kawalan keselamatan terhadap media sosial. Bab yang seterusnya akan menerangkan dengan lebih terperinci tentang prosedur dan metodologi yang digunakan untuk mengumpul data dan analisis dalam kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pengenalan Bab

Bab ini menerangkan tentang rekabentuk kajian dan metodologi yang digunakan di dalam kajian ini dengan tujuan untuk mencapai objektif kajian serta menjawab persoalan-persoalan kajian. Rekabentuk kajian, rekabentuk soal selidik, populasi dan sampel, teknik persampelan, pembentukan soal selidik serta teknik pengumpulan data akan diterangkan secara terperinci di dalam bab ini. Akhir sekali jenis-jenis analisis statistik yang digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis juga akan diterangkan.

3.1 Rekabentuk Kajian

Metodologi adalah penting dan perlu diberi perhatian dalam setiap kajian. Metodologi yang digunakan dalam kajian perlu ditafsirkan dan digambarkan sepenuhnya untuk menguji hipotesis dan mengenalpasti masalah dalam kajian yang dilakukan. Dalam kajian ini, satu soal selidik telah dibuat bagi menguji sikap pengguna terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Faktor-faktor yang terlibat ialah “Kebolehpercayaan maklumat”, “Kebimbangan terhadap privasi”, “Persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian” dan “Kawalan keselamatan terhadap media sosial”. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan, di Universiti Utara Malaysia. Bab ini akan menerangkan reka bentuk kajian, reka bentuk soal

selidik, teknik sampel dan pensampelan, pengukuran, teknik pengumpulan data, ujian hipotesis, pra ujian, ujian pilot, pekali kebolehpercayaan dan kesimpulan.

Kajian soal soal selidik digunakan untuk mengumpul data primer. Skala Enam Poin Likert telah digunakan untuk mengukur semua item. Semua item dijawab berdasarkan bermula dari skala 1 = “teramat tidak setuju” sehingga 6 = “teramat setuju”. Kajian pilot telah dijalankan bagi mengkaji kebolehpercayaan setiap item di dalam kajian soal selidik yang dilakukan. Bagi memastikan setiap responden faham dan menjawab dengan betul kajian soal selidik yang diberikan, soal selidik tersebut disediakan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Perkara ini juga membolehkan responden faham dengan tepat soalan yang ditanya di dalam soal selidik tersebut.

Berdasarkan Zikmund et al., (2010) rekabentuk kajian ialah pelan tindakan yang menyenaraikan tatacara dan amalan bagi mengumpul serta menganalisa maklumat yang diperlukan. Ia menyediakan pelan induk untuk tindakan untuk kegunaan kajian yang dijalankan. Selain itu, Stacks (2002) menyatakan bahawa kaji selidik adalah kaedah bagi pengumpulan maklumat secara mendalam mengenai sikap dan kepercayaan responden. Secara khususnya, kaji selidik akan menggunakan reka bentuk kajian yang paling utama. Kaji selidik adalah satu sampel oleh banyak responden yang memberikan jawapan kepada soalan yang sama untuk diukur oleh pelbagai pembolehubah, menguji pelbagai hipotesis (Neuman, 2007). Kegunaan kaji selidik adalah untuk menyesuaikan dengan kajian kerana ia membolehkan penyelidik mendapatkan gambaran sikap responden dengan fenomena

kajian semasa menjalankan kajian (Sekaran, 2003). Selain itu, kaji selidik adalah reka bentuk kajian yang sering digunakan dalam banyak kajian sains sosial (Neuman, 2007).

Kajian yang dilakukan adalah kajian kuantitatif. Kajian Kuantitatif adalah kajian yang mengumpulkan data berangka bagi menerangkan fenomena tertentu dan soalan tertentu yang sangat sesuai untuk dijawab dengan menggunakan kaedah kuantitatif (Sekaran & Bougie, 2010). Kajian kuantitatif digunakan kerana hasil yang akan diperolehi daripada kajian ini adalah berdasarkan kepada saiz sampel yang besar yang mewakili populasi.

Kerangka kerja untuk kajian ini diambil sebagai pemandu arah untuk memenuhi dan menganalisa data. Di dalam kajian ini, data dikumpulkan melalui kajian soal selidik dan dianalisa melalui ukuran kuantitatif dimana nilai berangka dikumpulkan daripada responden dalam soal selidik yang boleh digunakan dalam pengiraan statistik (SPSS) dan ujian hipotesis (Zikmund et al., 2010). Banyak daripada penyelidik sebelum ini menggunakan pembolehubah yang sama dalam kajian yang dilakukan mengambil pendekatan kuantitatif (Lee, 2008; Shahnaei, 2012). Ia direkabentuk menjadi deskriptif dan regresi bagi memberikan gerak hati memilih faktor-faktor berikut iaitu kebolehpercayaan maklumat, kebimbangan terhadap privasi, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian dan kawalan keselamatan terhadap media sosial yang dapat mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

3.2 Rekabentuk Soal Selidik

Soal selidik kajian ini mengandungi 60 soalan iaitu 45 soalan di bahagian A dan 15 soalan di bahagian B. Bahagian A, terdapat 45 item yang mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas dimana merangkumi soalan-soalan berkaitan kebolehpercayaan maklumat, kebimbangan terhadap privasi, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian dan kawalan keselamatan terhadap media sosial yang dapat mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Bahagian B pula mempunyai 15 soalan demografik yang berkaitan dengan responden

Bahagian A terdiri daripada 45 item berdasarkan pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas untuk kajian ini. Ini bertujuan bagi mengakses sikap responden terhadap pemasaran media sosial dan semua pemboleh ubah terlibat (kebolehpercayaan maklumat, kebimbangan terhadap privasi, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian dan kawalan keselamatan terhadap media sosial) dalam mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Bahagian ini mempunyai 5 dimensi. Untuk dimensi sikap pengguna terhadap media sosial terdapat 10 soalan yang diadaptasikan daripada Akar dan Topcu (2011), manakala untuk kebolehpercayaan maklumat terdapat 11 soalan yang diadaptasikan dari Sarwar et al., (2013), selain daripada untuk dimensi kebimbangan terhadap privasi soalan-soalan sebanyak 12 soalan yang diadaptasikan daripada Simona et al., (2013), manakala untuk persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian mempunyai sebanyak 6 soalan yang diadaptasikan daripada Sarwar et al., (2013). Akhir sekali untuk dimensi

kawalan keselamatan terhadap media sosial, kesemua 6 soalan tersebut diadaptasikan daripada Akar dan Topcu (2011). Jadual 3.1 di bawah menunjukkan rujukan soalan untuk setiap dimensi.

Jadual 3.1:
Sumber Pengukuran Dimensi

Dimensi	Jumlah Item	Sumber
Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial	10	Akar & Topcu (2011)
Kebolehpercayaan maklumat	11	Sarwar et. al. (2013)
Kebimbangan terhadap privasi	12	Simona, Juliana, Luigi & Mihai (2013)
Persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian	6	Sarwar et. al. (2013)
Kawalan keselamatan terhadap media sosial	6	Akar & Topcu (2011)

Ringkasan setiap item daripada soal selidik dapat dilihat seperti Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2:

Ringkasan Rekabentuk Soal Selidik

Pembolehubah	Jumlah Item	Soalan
Bahagian A:		
Sikap Pengguna Terhadap Media Sosial	10	Bah. B: Soalan 1-10
Kebolehppercayaan maklumat	11	Bah. B: Soalan 11- 21
Kebimbangan terhadap privasi	12	Bah. B: Soalan 22-33
Persepsi kebolehppercayaan terhadap iklan dalam talian	6	Bah. B: Soalan 34-39
Kawalan keselamatan terhadap media sosial	6	Bah. B: Soalan 40-45
Bahagian B:		
Demografik	15	Bah A: Soalan 1-13

3.3 Populasi Dan Sampel

Kumpulan populasi yang terpilih dalam kajian ini ialah daripada pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia dari semester pertama hingga semester akhir sesi 2016/2017. Populasi kajian adalah seramai 2,805 pelajar daripada pelbagai pelbagai kursus. Jumlah populasi pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan diperolehi daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia.

Berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970), minimum sampel yang perlu dipilih ialah 338 daripada 2800 pelajar bagi mewakili keseluruhan populasi. Walau bagaimanapun sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 340 daripada 2805 populasi pelajar di Fakulti Pengurusan Perniagaan. Dengan jumlah saiz sampel yang besar, banyak data akan dapat dikumpul dan ini akan meningkatkan kadar tindak balas dalam kajian ini. Dalam masa yang sama dapat mengukuhkan hasil dapatan melalui kajian yang dijalankan.

Pensampelan rawak digunakan di dalam kajian ini kerana ianya adalah lebih sesuai kerana dapat memudahkan pengumpulan data menggunakan pendapat pelajar daripada populasi sasaran dalam masa yang singkat. Selain itu juga, pensampelan rawak lebih wajar dan sesuai digunakan kerana tidak mengambil masa yang panjang.

3.4 Teknik Sampel Dan Persampelan

Adalah sukar untuk memasukkan semua populasi ke dalam kajian ini. Oleh itu, sampel akan diambil bagi membolehkan kesimpulan umum dapat dibuat daripada populasi yang dikaji. Adalah penting untuk memilih sampel apabila kajian dilakukan kerana pemilihan yang dibuat akan memberi kesan kepada hasil yang besar. Begitu banyak tenaga dan masa diperlukan apabila kajian dilakukan bagi memastikan hasil yang boleh dipercayai. Hasil daripada kajian hanya boleh dilaksanakan terhadap segmen yang sedang dijalankan, setiap kajian memerlukan pereplikaan untuk banyak masa dan ia akan menjadi tidak berguna untuk kajian yang lain (Gay & Diehl, 1992)

Berdasarkan Nation (1997), persampelan adalah satu cara yang efektif bagi menyelesaikan bahagian menyeluruh dalam maklumat yang boleh dikongsi. Dalam prosedur persampelan, penyelidik akan memilih set yang mempunyai jumlah yang besar daripada pemerhatian. Persampelan dalam kajian ini dibuat menggunakan persampelan secara rawak (Hurlburt, 2006). Kaedah persampelan ini, penyelidik mencipta saiz sampel yang mencukupi dan setiap ahli berkemungkinan dipilih apabila soal selidik tersebut diedarkan (Hurlburt, 2006). Selain daripada persampelan sistematik daripada persampelan setiap k^{th} item dalam populasi selepas item pertama dipilih secara rawak daripada k item yang pertama (Pepe, 1996)

Bantuan pertama daripada persampelan rawak mudah adalah bagi memastikan sampel yang dipilih boleh diwakilkan. Faedah lain ialah individu dapat kebarangkalian yang sepadan yang boleh dipilih sebagai salah satu sampel; ini dapat menjamin kesimpulan statistik akan menjadi sah. Ia dianggap kaedah yang paling sesuai kerana semua responden mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai sampel (Sekaran & Bougie, 2010; Gay & Diehl, 1992). Selain itu juga, persampelan rawak mudah dipilih kerana kaedah persampelan jenis ini membolehkan dapatan kajian yang boleh diumumkan (Nardi, 2003; Judd, Smith & Kidder, 1991; Sekaran & Bougie, 2010).

Pendekatan yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini adalah menggunakan soal selidik. Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk dianalisis, oleh itu, penyelidik mengguna pakai soal selidik sebagai satu-satunya saluran dalam mengumpul data. Kaedah kuantitatif daripada pengumpulan data,

bergantung pada persampelan rawak dan instrument pengumpulan data berstruktur berdasarkan kepada objektif yang diperlukan dapat dicapai dalam kajian ini. Penyelidikan kuantitatif prihatin dengan ujian hipotesis yang diperolehi daripada kajian. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah persampelan secara rawak dalam mengenalpasti responden.

3.5 Pengukuran

Pengukuran terhadap pembolehubah adalah suatu sumber yang digunakan untuk jangkaan atau tinjauan terhadap sesuatu kajian. Oleh itu, dalam kajian ini, setiap pembolehubah telah diuji melalui borang kaji selidik. Zimkund et al., (2010) menyatakan bahawa soal selidik perlulah relevan sehingga setiap maklumat yang dikumpul dapat menjawab dan menangani persoalan kajian. Soal selidik yang dibuat juga perlu tepat, dimana setiap maklumat perlulah boleh dipercayai dan sah. Soal selidik (lihat Lampiran 1) direka bentuk perlu mudah difahami dan bahasa dan ayat yang digunakan *straight forward*, bagi memastikan dan menjamin responden dapat menjawab setiap soalan yang diberikan.

Soal selidik yang dilakukan menggunakan Enam Skala Likert sebagai skala penilaian dimana responden perlu respon berdasarkan pemahaman mereka terhadap soalan yang dikemukakan. Berdasarkan kepada Zikmund et al., (2010). Skala Likert adalah pengukuran terhadap pendekatan dan kaedah yang telah dirangka bagi memberi kuasa penuh kepada responden untuk memberi kadar pilihan berdasarkan persetujuan mengenai bagaimana mereka teramat setuju atau tidak setuju dengan teliti dengan kenyataan yang diberikan, yang menyediakan pelbagai pilihan daripada yang paling positif kepada yang

paling negatif terhadap sesuatu perkara. Pilihan skor terhadap Kaedah Skala Likert ditunjukkan pada Jadual 3.3 dibawah.

Jadual 3.3
Skala Pengukuran

Skala	Skor
Teramat Tidak Bersetuju	1
Sangat Tidak Setuju	2
Tidak Setuju	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5
Teramat Bersetuju	6

Sumber: Zikmund et al., (2010)

Setiap data dinilai menggunakan Statistical Package for Sosial Science (SPSS) versi 21.0. Soal Selidik ini telah diterima pakai dan disunting daripada instrument kerana kebanyakan soalan boleh dipercayai dan mampu untuk memenuhi semua objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, item untuk setiap pembolehubah juga diambil daripada beberapa kajian dan ini adalah bagi memastikan bahawa setiap item adalah relevan terhadap objektif kajian.

3.6 Teknik Pengumpulan Data

Bagi mendapatkan data yang diperlukan, penyelidik akan mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar-pelajar yang dipilih di Fakulti Pengurusan Perniagaan daripada semester

pertama hingga semester akhir dan akan mengeneipkan sampel berdasarkan jumlah yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Sebelum menjawab soal selidik yang diedarkan penyelidik perlu memastikan bahawa responden adalah layak mengikut kriteria yang telah dikenal pasti.

Borang soal selidik untuk kajian ini telah disediakan kepada responden untuk diisi. Masa yang diambil oleh setiap responden untuk melengkapkan soal selidik yang diberikan adalah lebih kurang 15 minit. Borang soal selidik yang diedarkan terus dikutip selepas responden selesai melengkapkan borang soal selidik tersebut. Proses yang diambil untuk mengedarkan borang soal selidik adalah lebih kurang sebulan. Sepanjang kaji selidik tersebut, sejumlah 340 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden. Walau bagaimanapun hanya 335 set borang selidik telah diterima. Daripada 335 borang diterima, 20 tidak sah atau tidak lengkap dan responden menolak untuk mengisi borang soal selidik tersebut.

3.7 Pengujian Hipotesis

Hipotesis kajian adalah andaian awal atau sementara yang dicadangkan mengenai hubungan antara punca (sebab) dengan masalah (akibat). Ia perlu dibuktikan melalui ujian bagi menerima atau menolak sesuatu konsep atau teori. Ia wujud daripada axiom yang merupakan andaian awal yang wujud tanpa memerlukan bukti. Hipotesis akan diuji melalui ujian empirikal. Ia perlu ditulis mengikut tatacara supaya kita dapat mengenal pasti sama ada ujian tersebut tidak betul jika hipotesis ditolak atau ujian tersebut disokong jika hipotesis yang dijalankan diterima.

Dalam kajian ini, beberapa hipotesis telah dibangunkan. Hipotesis yang telah dibangunkan akan menentukan hubungan antara pembolehubah kajian terutamanya hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Pemboleh ubah tersebut ialah:

Hipotesis 1:

Terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehpercayaan maklumat dalam laman media sosial dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Hipotesis 2:

Terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan terhadap privasi dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Hipotesis 3:

Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pengguna terhadap kebolehpercayaan pengiklanan atas talian dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Hipotesis 4:

Terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan keselamatan dalam laman media sosial dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

Hipotesis 5:

Terdapat pengaruh antara kebolehpercayaan maklumat, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian, kebimbangan terhadap privasi dan kawalan keselamatan terhadap media sosial dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

3.8 Pra-Ujian

Pra-ujian adalah kaedah yang digunakan untuk menguji dan menilai bahan dan butiran soalan soal selidik yang dibuat. Pra-ujian dilakukan sebelum penyelidik teruskan dengan Ujian Pilot. Soal selidik telah disediakan dalam dwi-bahasa, iaitu versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris kerana memandangkan responden kajian terdiri daripada pelajar berbilang bangsa dan juga warganegara asing.

Semasa kajian ini dijalankan, pra-ujian untuk soal selidik telah dibuat oleh pakar dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi memastikan tidak terdapat salah faham terhadap keseluruhan maksud yang ingin disampaikan di dalam soal selidik yang dibuat. Ini juga memastikan agar responden dapat memahami keseluruhan manuskrip asal daripada soalan yang dikemukakan.

3.9 Ujian Rintis

Keputusan daripada ujian rintis terhadap kajian yang dilakukan digunakan untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan item pembolehubah sebelum meneruskan kajian sebenar. Saunders et al., (2003) menyatakan bahawa secara praktikalnya kajian pilot sebelum ini

adalah pengumpulan data yang mutlak. Kajian pilot adalah lebih daripada pra-ujian, ia mengeksploitasi secara formatif bagi menyokong penyelidik dalam membangunkan soalan yang penting dan utama (Yin, 1994). Matlamat utama bagi melaksanakan ujian pilot ialah untuk mencipta soal selidik yang tepat dan efektif melalui ujian tersebut. Ia membantu penyelidik lebih yakin bahawa terdapat kurang salah faham daripada responden terhadap item soal selidik yang telah diuji, dimana penyelidik dapat membuat sebarang perubahan dengan mudah jika diperlukan.

Penyelidik mempunyai ruang dan masa yang mencukupi untuk mengendalikan ujian ke atas sampel dan mengesahkannya. Tujuannya adalah untuk menilai dan mengesahkan instrumen kajian dan untuk mengukur masa yang diperlukan bagi mengendalikan kajian utama. Dalam kajian ini, sebelum membuat keputusan terhadap instrumen sebenar yang digunakan, penyelidik telah mengendalikan ujian pilot pada sampel yang bersesuaian. Berdasarkan Sekaran (2000), kajian pilot dikendalikan untuk membetulkan sebarang percanggahan dalam instrumen sebelum data sebenar dikumpul. Penyelidik telah berbincang dengan responden tentang sebarang kekeliruan di dalam soal selidik dan menjelaskan sebarang kekaburan perkataan dan terjemahan. Sementara pra-ujian menilai soal selidik melibatkan dua orang ahli akademik dan profesional, ujian pilot pula melibatkan responden yang sama aliran dengan responden yang terlibat dengan kajian daripada pengumpulan data yang sebenar (Bradburn et. al., 2004).

Selain itu, untuk setiap instrumen, ujian kebolehppercayaan dibuat melalui pengumpulan data daripada kajian rintis. Ujian pilot untuk kajian utama telah dibuat pada

Mac 2017, dimana soal selidik telah diedarkan kepada 340 orang responden. Soal selidik telah disemak semula dan di ubah suai oleh penyelidik bagi membetulkan sebarang ketidak konsistenan yang telah ditekankan oleh responden bagi menyempurnakan soal selidik yang dibuat. 50 soal selidik telah digunakan untuk ujian pilot. Semua soal selidik tersebut diambil dan digunakan untuk menganalisis kebolehpercayaan item. Selepas itu data dianalisis melalui SPSS bagi menentukan kebolehpercayaan.

3.10 Pekali Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan adalah pengukuran yang digunakan bagi menentukan konsistensi dan kestabilan data terhadap kajian yang dijalankan. Dalam perkara ini, mengetahui seberapa baik item mengukur dimensi, nilai Cronbach's Alpha akan digunakan. Sekaran (2003) menyatakan bahawa jika nilai Cronbach's Alpha rendah daripada 0.60, maka item yang digunakan dianggap lemah. Walau bagaimanapun, jika nilai julat adalah 0.70 item tersebut boleh diterima. Jika nilai melebihi 0.80, maka item tersebut adalah baik. Jadual 3.4 menunjukkan nilai Cronbach's Alpha dan konsistensi dalamannya.

Jadual 3.4:
Pengukuran Konsistensi Dalaman

Cronnbach's Alpha	Konsistensi Dalaman
$\alpha = 0.9$	Sangat baik
$\alpha = 0.8 < 0.9$	Baik
$\alpha = 0.7 < 0.8$	Diterima
$\alpha = 0.6 < 0.7$	Boleh dipersoalkan
$\alpha = 0.5 < 0.6$	Lemah
$\alpha < 0.5$	Tidak boleh diterima

3.11 Analisis Statistik

Kajian ini akan menggunakan Pakej Statistikal untuk Sains Sosial (SPSS) versi 21.0 bagi menganalisa data yang dikumpul. Terdapat beberapa analisis yang akan dilakukan menggunakan SPSS versi 21 seperti kajian deskriptif dan kekerapan data. Setiap pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini akan dijalankan melalui kajian deskriptif bagi memastikan tiada data yang ralat semasa memasukkan data. Kajian deskriptif akan melibatkan statistik deskriptif terhadap empat pemboleh ubah utama iaitu, kebolehppercayaan maklumat, kebimbangan terhadap privasi, persepsi kebolehppercayaan terhadap iklan dalam talian dan kawalan keselamatan terhadap media sosial. Kekerapan data juga akan dianalisis menggunakan SPSS bagi faktor demografik yang telah ditentukan oleh penyelidik dan telah disenaraikan dalam Bahagian B.

3.12 Kesimpulan Bab

Bab ini mengulas tentang reka bentuk kajian yang dilaksanakan dalam kajian ini. Ia menunjukkan bahawa ujian pilot, reka bentuk soal selidik, teknik pensampelan dan gambaran keseluruhan teknik pengumpulan data. Walau bagaimanapun, ujian hipotesis dan ujian normaliti juga akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi dalam bab yang yang seterusnya.



BAB 4


DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan Bab

Bab ini akan membincangkan tentang hasil yang telah diperolehi daripada data yang dikumpulkan melalui soal selidik. Setiap pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini akan dianalisa menggunakan perisian SPSS versi 21. Bab ini akan menerangkan dapatan kajian yang bertujuan untuk menjawab soalan kajian dan objektif yang telah direkabentuk dalam Bab 1 dan dalam masa yang sama bagi mengesahkan hipotesis yang dibina dalam Bab 2. Selain itu, bab ini juga termasuk menerangkan gambaran terhadap data yang dikumpul, analisis kebolehpercayaan, analisis deskriptif dan pengesahan skala pengukuran.

4.1 Kadar Tindak Balas

Terdapat 340 set soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar daripada Pusat Pengajian Perniagaan. Daripada 340 soal selidik yang diedarkan, tetapi 315 soal selidik telah digunakan dalam kajian ini, selebihnya tidak boleh digunakan kerana 15 borang soal selidik tidak dikembalikan dan 10 lagi tidak diisi lengkap. Peratus respon kajian ini ialah 92.6%. Rajah 4.1 menunjukkan carta pai peratus respon soal selidik daripada responden.



Rajah 4.1:
Peratus tindak balas soal selidik daripada responden

4.2 Maklumat Kebolehpercayaan Kajian Rintis

Kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan soal selidik daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kebolehpercayaan soal selidik, maka semakin jitu data yang diperoleh. Kebiasaannya, pengkaji merujuk kepada pekali kebolehpercayaan 'Cronbach's alpha' untuk mengukur tahap kebolehpercayaan item-item dalam sesuatu soal selidik. Menurut Sekaran (2003), semakin hampir 'Cronbach's alpha' kepada 1 semakin tinggi konsisten kebolehpercayaan antara setiap item.

Bagi menguji item-item dalam sesuatu soal selidik, kajian rintis dijalankan untuk mengetahui sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian dan untuk mengetahui sejauh mana responden memahami setiap

pernyataan yang digunakan. Dalam kajian ini, kajian rintis dijalankan ke atas 30 orang responden bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik.

Jadual 4.1 menunjukkan nilai kebolehpercayaan koefisien alpha yang diperolehi bagi setiap pembolehubah. Jadual di bawah menunjukkan nilai Alpha Cronbach bagi semua pembolehubah mencatatkan nilai antara 0.75 sehingga 0.91. Berdasarkan faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial iaitu kebolehpercayaan maklumat menunjukkan Cronbatch Alpha adalah 0.75, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian adalah 0.87, kebimbangan terhadap privasi adalah 0.78 dan kawalan keselamatan terhadap media sosial adalah 0.91. Manakala bagi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial adalah 0.82. Keseluruhan item juga menunjukkan kebolehpercayaan adalah tinggi iaitu 0.93. Indeks kebolehpercayaan ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai (Mohd. Majid, 1990). Selain itu, nilai yang ditunjukkan melebihi daripada 0.6, maka keputusan ujian di bawah menunjukkan satu kebolehpercayaan yang memuaskan untuk setiap pembolehubah yang digunakan di dalam kajian ini (Sekaran, 2003).

Jadual 4.1:
Kebolehpercayaan Terhadap Pembolehubah

Faktor	Cronbach Alpha	Bilangan Item
Kebolehpercayaan Maklumat	0.75	10
Persepsi Kebolehpercayaan terhadap Iklan Dalam Talian	0.87	11
Kebimbangan terhadap Privasi	0.78	12
Kawalan Keselamatan Terhadap Media Sosial	0.91	6
Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial	0.82	6
Keseluruhan	0.93	45

4.3 Ujian Normaliti

Sampel data perlu diuji bagi menentukan sama ada taburan adalah normal ataupun tidak. Ujian ini sangat penting untuk mendapatkan kesahan dan ketepatan dalam kajian. Terdapat pelbagai kaedah untuk menguji normaliti bagi taburan data. Antaranya ialah dengan melihat statistik pencongan (skewness) dan nilai signifikan. Nilai sifar bagi pencongan menunjukkan taburan data adalah 100% normal. Manakala nilai signifikan apabila $p > 0.05$ menunjukkan data adalah normal.

Jadual 4.2 di bawah menunjukkan bahawa taburan data adalah normal. Ini disebabkan nilai signifikan adalah $p < 0.05$. Walaubagaimanapun, sampel yang digunakan adalah besar, data dianggap normal. Berdasarkan pencongan, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian dan kebimbangan terhadap privasi kawalan keselamatan menunjukkan pencongan yang negatif disebabkan nilai min lebih kecil daripada nilai median. Bagi kebolehpercayaan maklumat, kawalan keselamatan terhadap media sosial dan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial menunjukkan pencongan yang positif disebabkan nilai min lebih besar daripada nilai median.

Jadual 4.2:
Ujian Normaliti (N = 315)

Faktor	Min	Median	Sisihan	
			Piawai	Kurtosis
Kebolehpercayaan Maklumat	3.71	3.60	0.49	1.64
Persepsi Kebolehpercayaan terhadap Iklan Dalam Talian	4.49	4.55	0.70	-0.35
Kebimbangan terhadap Privasi	3.74	3.75	0.55	1.67
Kawalan Keselamatan Terhadap Media Sosial	4.23	4.00	0.79	0.89
Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial	4.11	4.00	0.73	0.267

4.4 Statistik Deskriptif

Statistik deskriptif adalah berkenaan dengan pengumpulan data dan meringkaskan data dalam bentuk yang lebih mudah seperti rajah, jadual, kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai.

4.4.1 Profil Responden

Responden adalah terdiri daripada 315 orang dari kalangan pelajar, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia. Ini adalah untuk menganalisa taburan demografi responden seperti penggunaan rangkaian laman sosial, kewarganegaraan, bangsa, agama, jantina dan akademik. Taburan demografi responden adalah penting dalam kajian ini kerana ia mungkin boleh menjadi salah satu faktor yang dapat mempengaruhi hasil kajian yang dibuat.

Bilangan Responden mengikut Penggunaan Rangkaian Laman Sosial

Jadual 4.3 menunjukkan bilangan responden berdasarkan penggunaan rangkaian laman sosial. Berdasarkan data yang diperolehi didapati bahawa sejumlah 315 orang atau 100% yang terlibat dalam kajian ini menggunakan rangkaian laman sosial.

Jadual 4.3:

Taburan Responden Mengikut Penggunaan Rangkaian Laman Sosial

Penggunaan Rangkaian Laman Sosial	Kekerapan	Peratus
Ya	315	100
Tidak	0	0
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Kewarganegaraan

Jadual 4.4 menunjukkan bilangan responden berdasarkan kewarganegaraan. Berdasarkan data yang diperolehi didapati bahawa sejumlah 270 orang atau 85.7% yang terlibat dalam kajian ini warganegara Malaysia dan sejumlah 45 orang atau 14.3% adalah bukan warganegara. Ini menunjukkan bahawa Warganegara Malaysia adalah lebih tinggi daripada bukan warganegara.

Jadual 4.4:

Taburan Responden Mengikut Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	Kekerapan	Peratus
Malaysia	270	85.7
Bukan Warganegara	45	14.3
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Umur

Jadual 4.5 menunjukkan bilangan responden berdasarkan umur. Berdasarkan data yang diperolehi terdapat 80 orang atau 25.4% berumur kurang 20 tahun. Ini diikuti dengan responden yang berumur antara 21 hingga 25 tahun sebanyak 198 orang atau 62.6%. Bagi responden yang berumur antara 26 hingga 30 tahun mencatatkan bilangan 19 orang atau 6% dan diikuti dengan umur antara 31 hingga 35 tahun iaitu sebanyak 6 orang atau 1.9%. Selain itu, umur antara 36 hingga 40 tahun mencatatkan bilangan 2 orang atau 1% dan diikuti dengan umur yang melebihi 40 tahun adalah 10 orang atau 3.1%. Ini menunjukkan responden yang berumur antara 21 hingga 25 tahun mencatatkan bilangan yang paling tinggi manakala umur antara 36 hingga 40 tahun adalah bilangan yang paling rendah.

Jadual 4.5:
Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratus
Kurang 20 tahun	80	25.4
21-25 tahun	198	62.6
26-30 tahun	19	6
31-35 tahun	6	1.9
36 -40 tahun	2	1
Lebih 40 tahun	10	3.1
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Kumpulan Etnik

Jadual 4.6 menunjukkan bilangan responden berdasarkan bangsa. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat 198 orang atau 62.9% adalah bangsa Melayu dan diikuti dengan 90 orang atau 28.6% adalah bangsa Cina. Manakala bagi responden yang berbangsa India

adalah sebanyak 15 orang atau 4.8%. Seterusnya, responden yang berbangsa Bajau, Indonesian dan Nigerian masing-masing mencatatkan 4 orang atau 1.3%. Ini menunjukkan bahawa bilangan tertinggi responden adalah bangsa Melayu. Manakala yang paling rendah adalah dari bangsa Bajau, Indonesian, dan Nigerian.

Jadual 4.6:
Bilangan Responden berdasarkan Kumpulan Etnik

Kumpulan Etnik	Kekerapan	Peratus
Melayu	198	62.9
Cina	90	28.6
India	15	4.8
Bajau	4	1.3
Antarabangsa	8	2.6
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Agama

Jadual 4.7 menunjukkan bilangan responden berdasarkan agama. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat 203 orang atau 64.4% adalah agama Islam dan diikuti dengan 69 orang atau 21.9% adalah agama Buddha. Manakala bagi responden yang agama Hindu adalah sebanyak 17 orang atau 5.4%. Seterusnya, responden yang beragama Kristian mencatatkan 26 orang atau 8.3%. Ini menunjukkan bahawa bilangan tertinggi responden adalah agama Islam. Manakala yang paling rendah adalah agama Hindu.

Jadual 4.7:
Bilangan Responden berdasarkan Agama

Agama	Kekerapan	Peratus
Islam	203	64.4
Buddha	69	21.9
Hindu	17	5.4
Kristian	26	8.3
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Jantina

Jadual 4.8 menunjukkan bilangan responden berdasarkan jantina. Berdasarkan data yang diperolehi didapati bahawa sejumlah 88 orang atau 27.9% yang terlibat dalam kajian ini lelaki dan sejumlah 227 orang atau 72.1% adalah perempuan.

Jadual 4.8:
Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	88	27.9
Perempuan	227	72.1
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Pendidikan

Jadual 4.9 menunjukkan bilangan responden berdasarkan pendidikan. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat 270 orang atau 85.7% mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda dan diikuti dengan 31 orang atau 9.8% adalah yang ijazah sarjana. Manakala bagi responden yang mempunyai pendidikan ijazah doktor falsafah adalah sebanyak 14 orang

atau 4.4%. Ini menunjukkan bahawa bilangan tertinggi responden adalah terdiri daripada ijazah sarjana muda. Manakala yang paling rendah adalah responden yang mengikuti pengajian ijazah doktor falsafah.

Jadual 4.9:

Bilangan Responden berdasarkan Pendidikan

Pendidikan	Kekerapan	Peratus
Ijazah Sarjana Muda	270	85.7
Ijazah Sarjana	31	9.8
Ijazah Doktor Falsafah	14	4.4
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Tujuan Penggunaan Internet

Jadual 4.10 menunjukkan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item tujuan penggunaan internet. Berdasarkan nilai peratus yang tertinggi adalah responden memilih mencari maklumat iaitu 73.7% dan diikuti dengan emel iaitu 63.8%. Manakala minoriti responden memilih belajar dan professional iaitu 33.7% dan membeli belah iaitu 37.8%.

Jadual 4.10:
Bilangan Responden berdasarkan Tujuan Internet

Tujuan Internet	Ya	Tidak
Emel	201 (63.8%)	114 (36.2%)
Berita	188 (59.7%)	127 (40.3%)
Membeli Belah	119 (37.8%)	196 (62.2%)
Belajar dan Professional	106 (33.7%)	209 (66.3%)
Mencari Pekerjaan dan Peluang Pekerjaan	151 (47.9%)	164 (52.1%)
Mencari Maklumat	232 (73.7%)	83 (26.3%)
Percutian atau santai	121 (38.4%)	194 (61.6%)

Bilangan Responden mengikut Penggunaan Rangkaian Laman Sosial

Jadual 4.11 menunjukkan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item penggunaan laman rangkaian sosial. Berdasarkan nilai peratus yang tertinggi adalah responden memilih facebook iaitu 88.6% dan diikuti dengan google+ iaitu 68.9%. Manakala minoriti responden memilih MySpace iaitu 0.6% dan lain-lain seperti youtube dan blogs iaitu 5.4%.

Jadual 4.11:

Bilangan Responden berdasarkan Penggunaan Laman Rangkaian Sosial

Laman Rangkaian Sosial	Ya	Tidak
Facebook	279 (88.6%)	36 (11.4%)
MySpace	2 (0.6%)	313 (99.4%)
Gooogle+	217 (68.9%)	98 (31.1%)
Twitter	75 (23.8%)	240 (76.2%)
LinkedIn	30 (9.5%)	285 (90.5%)
Instagram	205 (65.1)	110 (34.9%)
Lain-Lain	17 (5.4%)	298 (94.6%)

Bilangan Responden mengikut Tujuan Penggunaan Rangkaian Laman Sosial

Jadual 4.12 menunjukkan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item tujuan penggunaan laman rangkaian sosial. Berdasarkan nilai peratus yang tertinggi adalah responden memilih untuk bersosial iaitu 73% dan diikuti dengan membaca berita iaitu 65.4%. Manakala minoriti responden adalah bertemu dengan teman baru iaitu 36.2% dan catatan dan melayari data adalah 57.5%

Jadual 4.12:

Bilangan Responden berdasarkan Tujuan Penggunaan Laman Rangkaian Sosial

Tujuan Rangkaian Laman Sosial	Ya	Tidak
Bertemu dengan teman Baru	114 (36.2)	201 (63.8%)
Bersosial	230 (73%)	85 (27%)
Membaca Berita	206 (65.4%)	109 (34.6%)
Catatan dan melayari data	181 (57.5%)	134 (42.5%)

Bilangan Responden mengikut Aplikasi Rangkaian Laman Sosial

Jadual 4.13 menunjukkan bilangan responden berdasarkan kekerapan penggunaan aplikasi YouTube, Facebook dan blog. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat 15 orang atau 4.8% memilih sangat jarang dan diikuti dengan 18 orang atau 5.7% adalah kadang-kadang. Manakala bagi responden yang memilih tidak menentu adalah seramai 59 orang atau 18.7% dan diikuti dengan selalu iaitu 121 orang atau 38.4%. Seterusnya, responden yang memilih sangat kerap adalah 102 orang atau 32.4%. Ini menunjukkan bahawa bilangan tertinggi responden adalah selalu menggunakan aplikasi seperti YouTube, Facebook dan blogs. Manakala yang paling rendah adalah sangat jarang menggunakan aplikasi YouTube, Facebook dan blog.

Jadual 4.13:

Bilangan Responden berdasarkan Aplikasi Rangkaian Laman Sosial

Aplikasi Rangkaian Laman Sosial	Kekerapan	Peratus
Sangat Jarang	15	4.8
Kadang-Kadang	18	5.7
Tidak Menentu	59	18.7
Selalu	121	38.4
Sangat Kerap	102	32.4
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Kekerapan Penggunaan Rangkaian Laman Sosial

Jadual 4.14 menunjukkan bilangan responden berdasarkan kekerapan penggunaan rangkaian laman sosial. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat 244 orang atau 77.5% memilih setiap hari dan diikuti dengan 41 orang atau 13% adalah 5 hingga 6 kali seminggu. Manakala bagi responden yang memilih 2 hingga 4 kali seminggu adalah seramai 24 orang atau 7.6%. Bagi penggunaan rangkaian laman sosial sekali seminggu, kurang dari sekali seminggu dan tidak pernah mencatatkan masing-masing 2 orang atau 0.6%. Ini menunjukkan bahawa bilangan tertinggi responden adalah setiap hari penggunaan rangkaian laman sosial. Manakala yang paling rendah adalah sekali seminggu, kurang dari sekali seminggu dan tidak pernah.

Jadual 4.14:

Bilangan Responden berdasarkan Kekerapan Penggunaan Rangkaian Laman

Kekerapan Rangkaian Laman Sosial	Kekerapan	Peratus
Setiap Hari	244	77.5
5-6 kali seminggu	41	13
2-4 kali seminggu	24	7.6
Sekali Seminggu	2	0.6
Kurang dari sekali seminggu	2	0.6
Tidak Pernah	2	0.6
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Penggunaan Internet

Jadual 4.15 menunjukkan bilangan responden berdasarkan penggunaan internet. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat 2 orang atau 0.6% menggunakan internet kurang dari 1 tahun dan diikuti dengan 11 orang atau 3.5% adalah 1 hingga 2 tahun. Manakala bagi responden yang memilih 3 hingga 4 tahun adalah seramai 51 orang atau 16.2%. Bagi penggunaan internet antara 5 hingga 6 tahun mencatatkan 113 orang atau 35.9% dan diikuti dengan 7 hingga 10 tahun adalah seramai 51 orang atau 16.2%. Selain itu, penggunaan internet melebihi 10 tahun adalah seramai 87 orang atau 27.6%. Ini menunjukkan bahawa bilangan tertinggi responden adalah 5 hingga 6 tahun. Manakala yang paling rendah adalah kurang satu tahun.

Jadual 4.15:

Bilangan Responden berdasarkan Penggunaan Internet

Penggunaan Internet	Kekerapan	Peratus
Kurang 1 tahun	2	0.6
1-2 tahun	11	3.5
3-4 tahun	51	16.2
5-6 tahun	113	35.9
7-10 tahun	51	16.2
Lebih 10 tahun	87	27.6
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Maklumat Peribadi yang Di Salah Guna

Jadual 4.16 menunjukkan bilangan responden berdasarkan maklumat peribadi yang telah disalahguna. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat 219 orang atau 69.5% memilih tidak pernah dan diikuti dengan 37 orang atau 11.7% adalah sekali. Manakala bagi responden yang memilih 2 hingga 3 kali adalah seramai 53 orang atau 16.8% dan diikuti dengan 4 hingga 6 kali iaitu 2 orang atau 0.6%. Seterusnya, responden yang memilih lebih daripada 6 kali adalah 4 orang atau 1.2%. Ini menunjukkan bahawa bilangan tertinggi responden adalah tidak pernah maklumat peribadi disalah guna. Manakala yang paling rendah adalah 4 hingga 6 kali maklumat peribadi disalah guna.

Jadual 4.16:

Bilangan Responden berdasarkan Maklumat Peribadi di Salah Guna

Maklumat Peribadi Disalah Guna	Kekerapan	Peratus
Tidak Pernah	219	69.5
Sekali	37	11.7
2-3 kali	53	16.8
4-6 kali	2	0.6
Lebih daripada 6 kali	4	1.2
Jumlah	315	100

Bilangan Responden mengikut Penggunaan Kepercayaan Laman Web

Jadual 4.17 menunjukkan bilangan responden berdasarkan kepercayaan laman web. Berdasarkan data yang diperolehi didapati bahawa sejumlah 142 orang atau 45.1% yang terlibat dalam kajian ini percaya laman web yang mengendalikan maklumat peribadi dan sejumlah 173 orang atau 54.9% adalah tidak mempercayai laman web yang mengendalikan maklumat peribadi. Ini menunjukkan bahawa tidak mempercayai laman web adalah lebih tinggi daripada percaya laman web bagi mengendalikan maklumat peribadi.

Jadual 4.17:

Taburan Responden Mengikut Kepercayaan Laman Web

Percaya Laman Web	Kekerapan	Peratus
Ya	142	45.1
Tidak	173	54.9
Jumlah	315	100

4.4.2 Frekuensi Analisis

Berdasarkan kajian yang dilakukan terdapat beberapa pelajar yang maklumat peribadi mereka telah disalahguna. Jadual 4.18 di bawah menunjukkan analisis frekuensi antara lelaki dan perempuan yang pernah mengalami maklumat mereka telah disalahguna.

Jadual 4.18:

Frekuensi responden yang terlibat dalam Penyalahgunaan Maklumat Peribadi

Jantina	Tidak Pernah	Frequency (%)			
		Sekali	2 - 3 kali	4 - 6 kali	Lebih daripada 6 kali
Perempuan	51.7	7.9	11.7	0	0.6
Lelaki	17.8	3.8	5.1	0.6	0.6

Berdasarkan Jadual 4.18 di atas seramai 56 pelajar lelaki dan 163 pelajar perempuan tidak pernah mengalami maklumat peribadi mereka telah disalahguna. Namun seramai 2 orang pelajar lelaki dan 2 orang pelajar perempuan, maklumat peribadi mereka telah disalahguna melebihi 6 kali.

4.4.3 Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial

Faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran sosial terdiri daripada empat faktor. Ia terdiri daripada kebolehpercayaan maklumat, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian, kebimbangan terhadap privasi, dan kawalan keselamatan

terhadap media sosial. Setiap faktor ini dikenalpasti di kalangan warga Universiti Utara Malaysia.

4.4.3.1 Kebolehpercayaan Maklumat

Jadual 4.19 menunjukkan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item kebolehpercayaan maklumat. Berdasarkan nilai peratus yang tertinggi adalah responden memilih tidak setuju dengan “*Kandungan yang disediakan dalam media sosial adalah boleh dipercayai*” (54%). Ini diikuti dengan “*Saya percaya kepada iklan melalui media sosial*” (52.7%). Walaubagaimanapun, terdapat juga responden setuju dengan “*Saya rasa bahawa iklan di dalam media sosial adalah merupakan sumber yang bagi mendapatkan maklumat terkini*” (50.8%) dan diikuti dengan “*Saya bergantung kepada cadangan dan komen teman atau keluarga atau rakan sekerja terhadap kebolehpercayaan sesuatu laman*” dan “*Saya merujuk kepada pengiklanan melalui media sosial untuk membuat sebarang pembelian*” (48.9%). Selain itu, responden juga teramat setuju dengan “*Syarikat perlu mengambil beberapa langkah bagi memastikan dan mengelak individu yang tidak bertanggungjawab mengakses maklumat peribadi di dalam komputer mereka*” (31.1%). Berdasarkan dapatan kajian, “*Syarikat perlu mengambil beberapa langkah bagi memastikan dan mengelak individu yang tidak bertanggungjawab mengakses maklumat peribadi di dalam komputer mereka*” mencatatkan min yang tertinggi (min= 4.77, SP=1.00) dan “*Saya mendapati bahawa iklan dan promosi dalam media sosial boleh dipercayai*” mencatatkan

min yang terendah (min= 3.27, SP=0.81). Berpandukan kepada dapatan hasil kajian pada jadual di bawah dan secara keseluruhannya bolehlah dikatakan di sini bahawa responden tidak setuju dengan kebolehpercayaan maklumat (min=3.71, SP=0.49).

Jadual 4.19:

Skor Kekerapan Kebolehpercayaan Maklumat

Pernyataan	Min	SP
Saya percaya terhadap maklumat yang dilihat dalam rangkaian laman sosial	3.37	0.88
Saya bergantung kepada cadangan dan komen teman/keluarga/rakan sekerja terhadap kebolehpercayaan sesuatu laman	3.9	0.87
Saya mendapati bahawa iklan dan promosi dalam media sosial boleh dipercayai	3.27	0.81
Saya rasa bahawa iklan di dalam media sosial adalah merupakan sumber yang bagi mendapatkan maklumat terkini	4.05	0.93
Kandungan yang disediakan dalam media sosial adalah boleh dipercayai	3.39	0.83
Saya percayakan promosi yang dibuat oleh rangkaian sosial	3.5	0.88
Saya rasa maklumat di dalam media sosial mengelirukan	3.73	0.86
Syarikat perlu mengambil beberapa langkah bagi memastikan dan mengelak individu yang tidak bertanggungjawab mengakses maklumat peribadi di dalam komputer mereka	4.77	1.00
Saya percaya kepada iklan melalui media sosial	3.34	0.83
Saya merujuk kepada pengiklanan pengiklanan melalui media sosial untuk membuat sebarang pembelian	3.73	0.98
Keseluruhan	3.71	0.49

4.4.3.2 Persepsi Kebolehpercayaan terhadap Iklan Dalam Talian

Jadual 4.20 menunjukkan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian. Berdasarkan nilai peratus yang tertinggi adalah responden memilih teramat setuju dengan “*Syarikat tidak boleh menjual maklumat peribadi dalam pangkalan data mereka kepada syarikat yang lain*” (45.1%). Ini diikuti dengan “*Apabila individu memberikan maklumat peribadi mereka kepada sesebuah syarikat untuk sesuatu tujuan, syarikat tersebut tidak boleh menggunakan maklumat tersebut untuk sebarang tujuan lain*” (42.5%). Terdapat juga responden setuju dengan “*Setiap maklumat peribadi dalam pangkalan data komputer perlu sentiasa disemak ketepatannya, tanpa mengira kos yang terlibat*” (44.1%) dan diikuti dengan “*Syarikat perlu mengambil beberapa langkah bagi memastikan ketepatan setiap maklumat peribadi yang disimpan adalah tepat*” (40.3%). Walaubagaimapun, terdapat juga responden tidak setuju dengan “*Media sosial tidak membahayakan privasi saya*” (38.1%). Berdasarkan dapatan kajian, “*Syarikat tidak boleh menjual maklumat peribadi dalam pangkalan data mereka kepada syarikat yang lain*” mencatatkan min yang tertinggi (min= 5.02, SP=1.01) dan “*Media sosial tidak membahayakan privasi saya*” mencatatkan min yang terendah (min= 3.10, SP=1.16). Berpandukan kepada dapatan hasil kajian pada jadual di bawah dan secara keseluruhannya bolehlah diperkatakan di sini bahawa responden setuju dengan persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian (min=4.49, SP=0.70).

Jadual 4.20:

Skor Kekerapan Persepsi Kebolehppercayaan Terhadap Iklan Dalam Talian

Pernyataan	Min	SP
Media sosial tidak membahayakan privasi saya	3.1	1.16
Saya pernah mengalami perasaan bimbang berkaitan tentang kerahsiaan dan maklumat peribadi saya	4.12	1.06
Selalunya saya rasa terganggu dengan syarikat yang bertanya tentang maklumat peribadi saya	4.35	1.08
Setiap maklumat peribadi dalam pangkalan data komputer perlu sentiasa disemak ketepatannya, tanpa mengira kos yang terlibat	4.28	0.99
Syarikat tidak boleh menggunakan maklumat peribadi untuk sebarang tujuan kecuali mendapat kebenaran daripada individu yang menyediakan maklumat	4.83	1
Syarikat perlu menumpukan lebih banyak masa dan usaha bagi mengelakkan pihak yang tidak bertanggungjawab mengakses maklumat peribadi	4.77	1.05
Kadang-kadang saya berfikir dua kali untuk memberi sebarang maklumat peribadi jika ada syarikat yang bertanya tentangnya	4.74	1.01
Syarikat perlu mengambil beberapa langkah bagi memastikan ketepatan setiap maklumat peribadi yang disimpan adalah tepat	4.65	1.06
Apabila individu memberikan maklumat peribadi mereka kepada sesebuah syarikat untuk sesuatu tujuan, syarikat tersebut tidak boleh menggunakan maklumat tersebut untuk sebarang tujuan lain	4.91	1.14
Saya merasa terganggu jika perlu memberi maklumat peribadi kepada pelbagai syarikat	4.63	1.15
Syarikat tidak boleh menjual maklumat peribadi dalam pangkalan data mereka kepada syarikat yang lain	5.02	1.01
Keseluruhan	4.49	0.7

4.4.3.3 Kebimbangan Terhadap Privasi

Jadual 4.21 menunjukkan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item kebimbangan terhadap privasi. Berdasarkan nilai peratus yang tertinggi adalah responden memilih setuju dengan “*Saya mendapatkan maklumat tertentu tentang sesuatu produk atau perkhidmatan melalui rangkaian laman sosial*” (56.2%). Ini diikuti dengan “*Saya percaya pemasaran melalui media sosial boleh menjadi sangat menghiburkan*” (54%). Walaubagaimanapun, terdapat juga responden tidak setuju dengan “*Maklumat yang saya terima dari laman sosial meyakinkan saya untuk membeli produk atau perkhidmatan yang ditawarkan*” (41.9%) dan diikuti dengan “*Saya rasa pemasaran menggunakan aplikasi seperti Youtube, Facebook dan blogs secara umumnya dikenali sebagai media sosial adalah membimbangkan*” dan “*Saya berpuas hati dengan produk dan perkhidmatan yang dipesan melalui rangkaian sosial*” (40.3%). Berdasarkan dapatan kajian, “*Saya rasa pemasaran melalui media sosial merupakan masa depan untuk pemasaran*” mencatatkan min yang tertinggi (min= 4.4, SP=0.95) dan “*Laman media sosial adalah sangat selamat*” mencatatkan min yang terendah (min= 2.91, SP=1.11). Berpandukan kepada dapatan hasil kajian pada jadual di bawah dan secara keseluruhannya bolehlah diperkatakan di sini bahawa responden tidak setuju dengan kebimbangan terhadap privasi (min=3.74, SP=0.55).

Jadual 4.21:
Skor Kekerapan Kebimbangan Terhadap Privasi

Pernyataan	Min	SP
Laman media sosial adalah sangat selamat	2.91	1.12
Saya rasa pemasaran menggunakan aplikasi seperti Youtube, Facebook dan blogs secara umumnya dikenali sebagai media sosial adalah membimbangkan	3.51	0.94
Saya mendapatkan maklumat tertentu tentang sesuatu produk/perkhidmatan melalui rangkaian laman sosial	4.12	0.9
Maklumat yang saya terima dari laman sosial meyakinkan saya untuk membeli produk/perkhidmatan yang ditawarkan	3.63	0.91
Saya berpuas hati dengan produk/perkhidmatan yang dipesan melalui rangkaian sosial	3.58	0.91
Saya pernah ditipu melalui rangkaian sosial	3.19	0.9
Saya suka pemasaran yang menggunakan media sosial	3.86	1.31
Pemasaran dengan menggunakan media sosial adalah sangat menarik	4.19	1.02
Saya rasa organisasi perlu mengambil bahagian dalam rangkaian laman sosial seperti Facebook	4.28	0.94
Saya percaya pemasaran melalui media sosial boleh menjadi sangat menghiburkan	4.25	0.91
Saya rasa pemasaran melalui media sosial merupakan masa depan untuk pemasaran	4.4	0.95
Saya berasa selesa berkongsi maklumat saya dalam laman media sosial	3.01	1.24
Keseluruhan	3.74	0.55

4.4.3.4 Kawalan Keselamatan Terhadap Media Sosial

Jadual 4.22 menunjukkan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item kawalan keselamatan terhadap media sosial. Berdasarkan nilai peratus yang tertinggi adalah responden memilih setuju dengan *“Organisasi perlu mengguna laman media sosial seperti facebook untuk tujuan pemasaran”* (52.4%). Ini diikuti dengan *“Saya suka pemasaran menggunakan aplikasi seperti Youtube, facebook dan blogs secara umumnya dikenali sebagai media sosial adalah membimbangkan”* dan *“Saya aras pemasaran yang menggunakan media sosial sangat menghiburkan”* (48.9%). Terdapat juga responden sangat setuju dengan *“Saya rasa setiap organisasi perlu mengambil bahagian dalam rangkaian media sosial seperti facebook”* (28.6%) dan diikuti dengan *“Pemasaran melalui media sosial amat menarik”* (27.9%). Walaubagaimapun, terdapat juga responden tidak setuju dengan *“Saya percaya bahawa pemasaran menggunakan media sosial sangat menghiburkan”* (22.5%). Berdasarkan dapatan kajian, *“Saya rasa pemasaran yang menggunakan media sosial adalah pemasaran masa depan”* mencatatkan min yang tertinggi (min= 4.36, SP=0.97) dan *“Saya percaya bahawa pemasaran menggunakan media sosial sangat menghiburrkan”* mencatatkan min yang terendah (min= 4.12, SP=0.99). Berpandukan kepada dapatan hasil kajian pada jadual di bawah dan secara keseluruhannya bolehlah diperkatakan di sini bahawa responden setuju dengan kawalan keselamatan terhadap media sosial (min=4.23, SP=0.79)

Jadual 4.22:

Skor Kekerapan Kawalan Keselamatan Terhadap Media Sosial

Pernyataan	Min	SP
Organisasi perlu mengguna laman media sosial seperti Facebook untuk tujuan pemasaran	4.25	0.86
Saya suka pemasaran menggunakan aplikasi seperti Youtube, Facebook dan blogs secara umumnya dikenali sebagai media sosial adalah membimbangkan	4.13	1.04
Pemasaran melalui media sosial amat menarik	4.31	0.93
Saya rasa setiap organisasi perlu mengambil bahagian dalam rangkaian media sosial seperti facebook	4.23	0.9
Saya percaya bahawa pemasaran menggunakan media sosial sangat menghiburkan	4.12	0.99
Saya rasa pemasaran yang menggunakan media sosial adalah pemasaran masa depan	4.36	0.97
Keseluruhan	4.23	0.79

4.4.4 Menentukan Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial

Jadual 4.23 menunjukkan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Berdasarkan nilai peratus yang tertinggi adalah responden memilih setuju dengan “*Saya melanggan untuk mendapatkan maklumat terkini dan makluman berkaitan jenama atau produk melalui laman rangkaian media sosial*” (54.6%). Ini diikuti dengan “*Saya selalunya merujuk pendapat pakar dalam laman media sosial disampaing mempertimbangkan produk atau perkhidmatan*” (45.7%). Terdapat juga responden sangat setuju dengan “*Pengiklanan melalui media sosial adalah lebih*

menarik berbanding pengiklanan secara tradisional” (28.6%) dan diikuti dengan *“Organisasi yang menggunakan melalui media sosial untuk tujuan pemasaran adalah lebih inovatif berbanding organisasi yang tidak menggunakannya”* (24.4%). Berdasarkan dapatan kajian, *“Pengiklanan melalui media sosial adalah lebih interaktif daripada pengiklanan tradisional”* mencatatkan min yang tertinggi (min= 4.32, SP=1.08) dan *“Saya selalunya merujuk pendapat pakar dalam laman media sosial disamping mempertibangkan produk dan perkhidmatan”* mencatatkan min yang terendah (min= 3.85, SP=0.99). Berpandukan kepada dapatan hasil kajian pada jadual di bawah dan secara keseluruhannya bolehlah diperkatakan di sini bahawa responden setuju dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial (min=4.11, SP=0.73).

Jadual 4.23:

Skor Kekerapan Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial

Pernyataan	Min	SP
Pengiklanan melalui media sosial adalah lebih menarik berbanding pengiklanan secara tradisional	4.23	1
Pengiklanan melalui media sosial adalah lebih interaktif daripada pengiklanan tradisional	4.32	1.08
Pengiklanan melalui media sosial adalah lebih bermaklumat daripada pengiklanan tradisional	4.13	1.1
Saya selalunya merujuk pendapat pakar dalam laman media sosial disamping mempertibangkan produk atau perkhidmatan	3.85	0.99
Saya melanggan untuk mendapatkan maklumat terkini dan makluman berkaitan jenama atau produk melalui laman ragkaian media sosial	3.91	0.81
Organisasi yang menggunakan melalui media sosial untuk tujuan pemasaran adalah lebih inovatif berbanding organisasi yang tidak menggunakannya	4.2	0.99
Keseluruhan	4.11	0.73

4.5 Statistik Inferensi

Statistik Inferensi ialah statistik yang menghuraikan perhubungan antara suatu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Dalam kajian ini ujian korelasi dan regresi digunakan untuk menentukan hubungan antara pembolehubah.

4.5.1 Ujian Korelasi

Ujian korelasi adalah untuk menentukan hubungan dan kekuatan sesuatu korelasi antara pembolehubah. Pekali korelasi (r) ialah nilai pengukuran kekuatan perhubungan antara dua pembolehubah. Nilai r ini mempunyai sela antara +1 dan -1. Jika terdapat hubungan linear positif yang kuat antara pembolehubah nilai r berada dekat dengan +1. Jika terdapat hubungan linear negatif yang kuat antara pembolehubah nilai r berada dekat dengan -1. Apabila tidak ada hubungan linear antara pembolehubah atau hanya hubungan yang lemah, nilai r akan hampir 0.

Jadual 4.24 menunjukkan korelasi antara faktor yang mempengaruhi sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Berdasarkan keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa kebolehpercayaan maklumat menunjukkan hubungan yang signifikan dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial ($r=0.53$, $p=0.00$), persepsi kebolehpercayaan terhadap iklim dalam talian menunjukkan hubungan yang signifikan dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial ($r=0.66$, $p=0.000$) serta kawalan keselamatan terhadap media sosial menunjukkan hubungan

yang signifikan dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial ($r=0.79$, $p=0.000$). Ini disebabkan nilai $p<0.005$.

Jadual 4.24:

Korelasi Antara Faktor yang Mempengaruhi Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial

Faktor	Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran
Kebolehpercayaan Maklumat	$r=0.53$ $p=0.00$
Persepsi Kebolehpercayaan Terhadap Iklan Dalam Talian	$r=0.46$ $p=0.00$
Kebimbangan Terhadap Privasi	$r=-0.66$ $p=0.00$
Kawalan Keselamatan Terhadap Media Sosial	$r=0.79$ $p=0.00$

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehpercayaan maklumat dalam pemasaran media sosial dengan sikap pengguna terhadap

Berdasarkan Jadual 4.25 menunjukkan keseluruhan sampel sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Keputusan menunjukkan kebolehpercayaan maklumat adalah signifikan pada tahap 0.05. Berdasarkan Korelasi Pearson, menunjukkan bahawa keseluruhan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial menunjukkan signifikan terhadap kebolehpercayaan maklumat [$F(1,313)=119.620$, $p < 0.05$]. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kebolehpercayaan maklumat. Nilai $R^2=0.277$ menunjukkan bahawa 27.7% ($r = 0.526$) perubahan dalam sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial adalah disebabkan oleh perubahan dalam kebolehpercayaan maklumat. Ini bererti bahawa

faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehpercayaan maklumat merupakan faktor utama yang menyumbang kepada sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Dengan ini, H1 adalah **diterima**.

Jadual 4.25:

Hubungan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kebolehpercayaan maklumat

	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients		Sig
	B	SE	B	T	
Constant	1.239	0.265		4.679	0.000
Kebolehpcreayaan Maklumat	0.775	0.071	0.526	10.937	0.000

R=0.526, $R^2=0.277$, Adjusted $R^2=0.274$, F-statistic=119.620, p-value=0.000

H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian

Berdasarkan Jadual 4.26 menunjukkan keseluruhan sampel sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Keputusan menunjukkan persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian adalah signifikan pada tahap 0.05. Berdasarkan Korelasi Pearson, menunjukkan bahawa keseluruhan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial menunjukkan signifikan terhadap persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian [F (1,313)=83.267, $p < 0.05$]. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian. Nilai $R^2=0.210$ menunjukkan bahawa 21% ($r = 0.458$)

perubahan dalam sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial adalah disebabkan oleh perubahan dalam persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian. Ini bererti bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian merupakan faktor utama yang menyumbang kepada sikap pengguna pemasaran media sosial. H2 adalah **diterima**.

Jadual 4.26:

Hubungan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian

	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients		Sig
	B	SE	B	T	
Constant	1.959	0.239		8.212	0.000
Persepsi Kebolehpercayaan Terhadap Iklan dalam Talian	0.479	0.052	0.458	9.125	0.000
R=0.458, $R^2=0.210$, Adjusted $R^2=0.208$, F-statistic=83.267, p-value=0.000					

H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kebimbangan terhadap privasi

Berdasarkan Jadual 4.27 menunjukkan keseluruhan sampel sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Keputusan menunjukkan kebimbangan terhadap privasi adalah signifikan pada tahap 0.05. Berdasarkan korelasi pearson, menunjukkan bahawa keseluruhan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial menunjukkan signifikan terhadap kebimbangan terhadap privasi [$F(1,313)=239.726$, $p < 0.05$]. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kebimbangan terhadap privasi. Nilai $R^2=0.434$ menunjukkan bahawa 43.4%

($r = 0.659$) perubahan dalam sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial adalah disebabkan oleh perubahan dalam kebimbangan terhadap privasi. Ini bererti bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi kebimbangan terhadap privasi merupakan faktor utama yang menyumbang kepada sikap pengguna pemasaran media sosial. H3 adalah **diterima**.

Jadual 4.27:

Hubungan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kebimbangan terhadap privasi

	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients		Sig
	B	SE	B	T	
Constant	0.823	0.215		3.834	0.000
Kebimbangan Terhadap Privasi	0.878	0.057	0.659	15.483	0.000

$R=0.659$, $R^2=0.434$, Adjusted $R^2=0.432$, F-statistic=239.726, p-value=0.000

H4: Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kawalan keselamatan terhadap media sosial

Berdasarkan Jadual 4.28 menunjukkan keseluruhan sampel sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Keputusan menunjukkan kawalan keselamatan terhadap media sosial adalah signifikan pada tahap 0.05. Berdasarkan Korelasi Pearson, menunjukkan bahawa keseluruhan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial menunjukkan signifikan terhadap kawalan keselamatan terhadap media sosial [$F(1,313)=528.684$, $p < 0.05$]. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kawalan keselamatan terhadap media sosial. Nilai $R^2=0.628$ menunjukkan bahawa 62.8% ($r = 0.793$) perubahan dalam sikap

pengguna terhadap pemasaran media sosial adalah disebabkan oleh perubahan dalam kawalan keselamatan terhadap media sosial. Ini bererti bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi kawalan keselamatan terhadap media sosial merupakan faktor utama yang menyumbang kepada sikap pengguna pemasaran media sosial. H4 adalah **diterima**.

Jadual 4.28:

Hubungan antara sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial dengan kawalan keselamatan terhadap sosial media

	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	T	Sig
	B	SE	B		
Constant	1.030	0.136		7.555	0.000
Kawalan Keselamatan Terhadap Sosial Media	0.728	0.032	0.793	22.993	0.000

R=0.793, $R^2=0.628$, Adjusted $R^2=0.627$, F-statistic=528.684, p-value=0.000

4.5.2 Ujian Regresi

Ujian regresi adalah untuk menganalisis perhubungan antara satu pembolehubah bersandar dengan satu set pembolehubah bebas. Pembolehubah bebas merupakan faktor-faktor yang memberi kesan kepada perubahan dalam pembolehubah bersandar. Dalam kajian ini, pembolehubah bersandar adalah sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Manakala pembolehubah bebas adalah kebolehpercayaan maklumat, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian, kebimbangan terhadap privasi dan kawalan keselamatan terhadap media sosial.

Berdasarkan Jadual 4.29 menunjukkan keseluruhan sampel sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial. Berdasarkan Ujian Regresi, menunjukkan bahawa

keseluruhan menunjukkan signifikan terhadap kebolehpercayaan maklumat, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian, kebimbangan terhadap privasi dan kawalan keselamatan terhadap media sosial [$F(4,310)=157.937, p < 0.05$]. Bagi ujian regresi berganda menunjukkan semua pembolehubah (kebolehpercayaan maklumat, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian, kebimbangan terhadap privasi dan kawalan keselamatan terhadap media sosial) menunjukkan hubungan yang signifikan dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

H5: Terdapat pengaruh kebolehpercayaan maklumat, persepsi kebolehpercayaan terhadap iklan dalam talian, kebimbangan terhadap privasi dan kawalan keselamatan terhadap media sosial dengan sikap pengguna terhadap pemasaran media sosial.

